

# PELAN STRATEGIK

2016 2020



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
PELAN

# STRATEGIK 2016 - 2020

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan semula dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Pejabat Penolong Naib Canselor  
(Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)  
Universiti Malaysia Kelantan  
Karung Berkunci No. 36, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-771 7000  
Fax: 09 – 771 7022

Perpustakaan Negara

Cetakan oleh:  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Kampus Kota,  
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim  
Tel : 09 - 771 7000

# ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENGERUSI LPU.....	6
PRAKATA NAIB CANSOLOR.....	8
PENGHURAIAN LOGO UMK, PERBADANAN UNIVERSITI DAN ALAMAT BERDAFTAR.....	10
SEJARAH PENUBUHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN.....	11
PEJABAT DAN PERMULAAN OPERASI.....	14
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI.....	16
TERAS PENUBUHAN.....	19
FAKULTI DAN PROGRAM PENGAJIAN.....	20
PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI.....	22
PERNYATAAN STRATEGIK.....	27
ASAS PERANCANGAN.....	51
FASA DAN TERAS PEMBANGUNAN.....	63
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN RELEVAN, UNIK DAN BERBEZA.....	81
PENCAPAIAN UNIVERSITI 2014.....	97
SASARAN UNIVERSITI.....	115
KESIMPULAN.....	155

## PRAKATA

**TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti



**Bismillahiramanirrahim**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya buku Pelan Strategik UMK 2016-2020 yang begitu bermakna ini berjaya disediakan. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus memerah idea dan tenaga dalam menyediakan buku pelan strategik Universiti Malaysia Kelantan 2016- 2020 edisi kedua ini. Saya juga sedia maklum bahawa edisi ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjajaran kepada penerbitan edisi pertama iaitu buku Halatuju dan Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan 2010 - 2020.

Buku pelan strategik UMK 2016 - 2020 ini pastinya akan menjadi garis panduan kepada semua staf Universiti dalam melaksanakan dasar pembangunan Universiti

Malaysia Kelantan (UMK). Ia juga diharap dapat menjadi sumber rujukan semua pihak yang berkepentingan untuk mengembleng dan menfokuskan tenaga dan usaha secara bersama dan bersepadu melaksanakan pelan tindakan yang menyokong strategi UMK demi pembangunan Negara. Saya berharap semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta, industri, individu serta masyarakat yang mempunyai rangkaian hubungan dengan UMK dapat merangka bersama segala aktiviti yang kemudiannya dapat memberi impak besar kepada Negara.

Sehubungan itu, dalam melahirkan modal insan yang cemerlang, mutu pendidikan menjadi agenda utama dalam pembangunan Negara. UMK yang sentiasa relevan, unik dan berbeza telah diberi mandat oleh kerajaan untuk melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan. Saya percaya dengan sasaran yang ditetapkan dalam pelan ini, terutama peranan yang akan dimainkan oleh Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME), UMK bukan hanya mampu menghasilkan modal insan berkualiti dan membentuk masyarakat kelas pertama, malah menyumbang kepada penyemarakkan perkembangan usahawan yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Akhir kata, tahniah sekali lagi diucapkan dan dari hati yang tulus dan ikhlas saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan buku ini. Semoga dengan semangat dan kerjasama yang diberikan ini akan memberikan suntikan motivasi kepada seluruh warga UMK untuk sama-sama menyumbang kepada kelestarian pembangunan UMK.

Sekian.

PRAKATA

**PROFESOR. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED**  
Naib Canselor



### “Masa hadapan yang mencabar dan direalisasikan dengan cara tersendiri”

Globalisasi pendidikan berkembang terlalu pantas. Pendekatan konvensional dalam pendidikan tinggi telah menjadi kurang relevan kepada keperluan pendidikan semasa. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tidak terkecuali dalam era globalisasi pendidikan. Setelah lapan tahun penubuhannya, UMK terus mempelbagaikan strategi dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi untuk mencipta perbezaan sebagai sebuah Universiti Keusahawanan.

Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik UMK 2010 - 2020 yang telah diterbitkan pada tahun 2009 telah diteliti semula bagi memastikan pelan strategik Universiti terus relevan, realistik dan memenuhi hasrat pemegang taruh, bertepatan dan sejajar dengan iklim pendidikan yang sedang berkembang. Penghasilan Pelan Strategik UMK 2016 – 2020 merupakan penambahbaikan kepada pelan strategik yang lepas sejajar dengan pencapaian Universiti, perubahan dan perkembangan dalam

hala tuju pendidikan Negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025) (Pendidikan Tinggi).

Pencapaian lepas yang membanggakan merupakan batu loncatan kepada UMK untuk terus bergerak pantas bagi mencapai KPI yang telah disasarkan. Pada tahun 2015, bermula dengan sasaran untuk mendapat status sebagai sebuah Universiti bertaraf autonomi, UMK berazam untuk meningkatkan lagi pencapaian luar biasa dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengambilan sumber manusia yang berkualiti sepertimana yang digariskan dalam pelan strategik ini.

Dalam penyediaan Pelan Strategik UMK 2016 - 2020 ini juga, buat pertama kalinya pendekatan untuk mengambil dan melatih masyarakat pekerja dan usahawan secara berstruktur dengan mengkategorikan mereka sebagai pelajar “bukan tradisional” dinyatakan secara eksplisit. Pada masa yang sama, Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) diperkasakan untuk memikul tanggungjawab ini dengan harapan usaha yang bakal dilaksanakan akan menyumbang kepada perkembangan aktiviti keusahawanan dan usahawan terutama dalam perniagaan kecil dan sederhana, sekaligus menyumbang kepada perkembangan ekonomi Negara.

Bagi memastikan pelan ini menjadi realiti, saya mengharapkan agar semua staf Universiti dan pihak berkepentingan dapat memainkan peranan masing-masing, bergerak secara bersepadu dan bersungguh-sungguh menyahut cabaran ini.

“Ayuh warga UMK, mari kita sama-sama menjadikan harapan kita satu kenyataan, kita rela harungi cabaran agar UMK menjadi cemerlang dan terbilang di masa hadapan”

Sekian.

## PENGHURAIAN LOGO

lanya melambangkan sebuah Universiti di Malaysia yang terletak di negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf “U”, “M” dan “K”.

Rekabentuk logo ada melambangkan dinamik, pemikiran terbuka dan merentasi zaman; Tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pembelajaran sepanjang hayat (PSH) seperti dilambangkan oleh “*hourglass*”;

Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha;

Menggambarkan unsur “*chromosome*” yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*);

Warna “biru” untuk Malaysia, “merah” untuk Kelantan dan “jingga” warna semula jadi buah pinang masak (warisan).

Perbadanan Universiti:

UMK diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006.

Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006

Alamat Berdaftar:

Universiti Malaysia Kelantan

Karung Berkunci No. 36

Pengkalan Chepa

16100 Kota Bharu

Kelantan

Tel : 09-7717000

Faks : 09-7717022

Web : [www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SEJARAH PENUBUHAN

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasannya UMK ialah sebuah Universiti Awam (UA) ke-19 ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia yang ditempatkan di Negeri Kelantan Darul Naim. Sebagai sebuah universiti berfokus, UMK turut memberi tumpuan kepada pendidikan keusahawanan yang merealisasikan ciri-ciri sebuah universiti keusahawanan. Penubuhan sebuah universiti di Negeri Kelantan telah menjadi satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi Negara. YAB Perdana Menteri Malaysia ke-5 Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006.



*Teniat UMK Kampus Bachok*

Penubuhan Universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan enterprais (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu frasa rangsangan seperti “*Entrepreneurship is Our Thrust*” dan “*Entrepreneurial University*” digunakan dengan meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga (3) bidang pengajian iaitu: Keusahawanan dan Perniagaan; Teknologi Kreatif dan Warisan; dan Agro Industri dan Sains Sumber Asli.

Kesemua kurikulum pengajian di UMK mewajibkan ilmu keusahawanan tidak kurang daripada 10 peratus jumlah kredit setiap kurikulum. Pada masa yang sama penekanan diberi kepada kemahiran bahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi (dengan minda kelas pertama) yang memiliki atribut keusahawanan. Modal insan yang dihasilkan dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dengan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) “*capability and capacity building of SME*” serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Dalam semua pelaksanaan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diguna sebagai pengupaya “*ICT as an enabler*”.

Penubuhan Universiti ini tercatat dalam sejarah perundangan Negara setelah diwartakan pada 7 Disember 2006, P.U. (A) 415 sebagai sebuah Universiti dengan nama “Universiti Malaysia Kelantan” berkuatkuasa pada 1 September 2006.

Universiti Malaysia Kelantan akan terus dibangun untuk memenuhi kehendak perintah pemerbadanan iaitu:

“Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan rekabentuk kreatif, pengajian bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.”

Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006.

## PEJABAT DAN PERMULAAN OPERASI

Pada 1 Oktober 2006, secara rasminya operasi pembangunan UMK telah dimulakan oleh Naib Canselor pertama di dua tempat iaitu di Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang memberi fokus kepada Pentadbiran Am dan Hal Ehwal Pengurusan Kewangan dan di bangunan Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya sebagai pusat perolehan kepakaran dalam aspek perancangan pembangunan dan urus tadbir Universiti.

Pejabat urusan di Kelantan pula iaitu di sebuah villa milik Institut Perguruan Kota Bharu (IPKB) mula beroperasi pada 15 Januari 2007. Ketiga-tiga pejabat tersebut telah dijadikan sebagai pusat operasi UMK sehingga 30 Jun 2007. YAB Perdana Menteri Malaysia ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan Majlis Pelancaran Operasi dan Pelan Pembangunan UMK pada 3 Ogos 2007 di Kampus Taman Bendahara. YAB Perdana Menteri kemudiannya juga turut merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Kampus Bachok yang berlangsung pada 29 Februari 2008.

Kampus Sementara UMK di Taman Bendahara (kini dikenali sebagai Kampus Kota) beroperasi dengan rasminya pada 1 Julai 2007 apabila pelajar sulung UMK seramai 298 orang mendaftar. Pada tahun kedua beroperasi mulai Julai 2008 Universiti telah berjaya mendaftar seramai 332 pelajar baharu dan pada Julai 2009 seramai 634 lagi orang pelajar telah mendaftar di Universiti. Pada Julai 2010, 622 orang pelajar baharu telah mendaftar untuk 14 program pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda melalui empat (4) fakulti iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dan yang terbaru Fakulti Perubatan Veterinar (FPV). Pada tahun yang sama juga, tiga

program baharu telah mendapat kelulusan untuk mula ditawarkan mulai sesi 2011 / 2012.

Pada tahun 2011, UMK telah mengembangkan sayapnya dengan pengoperasian di dua (2) lagi kampus iaitu Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Kampus Bachok buat masa ini menempatkan dua (2) PTj akademik iaitu FTKW dan Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah (PBI) serta dua PTj pentadbiran iaitu Pejabat Pendaftar dan Pusat Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (PPIP). Manakala Kampus Jeli pula menempatkan dua (2) buah fakulti baharu iaitu Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Sains Bumi (FSB). Pada masa yang sama juga Pejabat Pentadbiran Kampus Jeli (BPKJ) telah ditubuhkan bagi mewujudkan sistem pentadbiran kampus yang cekap, berkesan dan berdaya maju ke arah memastikan kecemerlangan di samping menyediakan persekitaran kampus yang kondusif untuk kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan kepada masyarakat.

## NAIB CANSOLOR UNIVERSITI




Mantan Naib Canselor

**YBhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed**  
(1 Oktober 2006 hingga 31 Disember 2011)



Mantan Naib Canselor

**YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose**  
(1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2014)



**Naib Canselor Sekarang**

**YBhg. Prof. Dato Dr. Mortaza bin Mohamed**  
(Mulai 1 Januari 2015)

## TERAS PENUBUHAN UMK

Teras penubuhan UMK adalah digambarkan sepertimana model dibawah:



## FAKULTI DAN PROGRAM PENGAJIAN

Sehingga tahun 2014, sebanyak lima (5) buah fakulti telah ditubuhkan di UMK dengan 19 program pengajian. Penubuhan fakulti dan program pengajian mengikut tahun adalah seperti di Jadual 1.1 manakala perincian fakulti mengikut program pengajian ditunjukkan di **Lampiran A Senarai Fakulti dan Program Pengajian Mengikut Tahun**.

Jadual 1.1: Penubuhan fakulti dan program pengajian mengikut tahun

Fakulti	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	Jumlah
FKP	1	1	2	-	3	-	-	-	7
FASA	1	3	3	-	-	-	-	-	7
FTKW	2	-	-	-	-	-	-	-	2
FPV	-	-	1	-	-	-	-	-	1
FIAT	-	-	-	-	-	-	-	-	-
FSB	-	-	-	-	-	-	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>6</b>	<b>-</b>	<b>3</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>19</b>

Pada tahun 2012, FASA telah berpecah kepada dua fakulti baharu iaitu FIAT dan FSB. Secara tidak langsung, tujuh (7) program pengajian yang ditawarkan di bawah FASA sebelum ini telah diletakkan di bawah fakulti baharu sepertimana dijadual berikut.

Fakulti	Program Pengajian
FIAT	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian
FSB	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian
	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian

Penubuhan fakulti disokong dan diperkukuhkan dengan adanya PTj akademik yang lain seperti Pusat Pembangunan Bahasa dan Pengajian Insaniah (PBI) melalui penawaran pelbagai bahasa ketiga dan kursus umum. Selain itu juga, peranan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah dikembangkan melalui penubuhan Malaysian Graduate School of Entrepreneurship & Business (MGSEB) pada tahun 2014 untuk mendokong hasrat universiti melahirkan lebih ramai graduan di peringkat Sarjana yang selari dengan misi dan visi UMK sebagai Universiti Keusahawanan. Selain itu, penubuhan MGSEB dilihat sebagai satu platform terbaik dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran bakat di peringkat Sarjana yang berteraskan keusahawanan di peringkat nasional dan global.

## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

### TUANKU CANSOLOR



#### **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.M.N, D.K. (SELANGOR), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (JOHOR), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K., (KEDAH), D.K. (TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARULNAIM DAN JAJAHAN TAKLUKNYA

**TUANKU PRO-CANSELOR**



**YANG TERAMAT MULIA DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA**  
D.K., S.P.M.K TENGKU MAHKOTA KELANTAN

## **MENTERI MENTOR**



**YB. Dato' Seri Mustapa Mohamed**

**MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI**

## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

- Pengerusi: **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman**  
(Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB))
- Ahli: **YBhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed**  
(Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan)
- YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**  
(Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia)
- YBhg. Dato' Mahamed Hussain**  
(Setiausaha Pembangunan Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi)
- YB Dato' Haji Mohd Faudzi Haji Che Mamat**  
(Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan)
- YBhg. Dato' Hafsa Hashim**  
(Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia (SME Corp.))
- YBhg. Dato' Ahmad Pardas**  
(Pengerusi, Malaysian Director's Academy (MINDA))
- YBhg. Datuk Haji Hanafi Haji Mamat**  
(Pengaruh Eksekutif, Wira Ukur Consultant)
- Ahli Ganti: **YBhg. Datin Dr. Syahira Hamidon**  
(Ketua Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan Malaysia)
- En. Ab. Rahman Mat**  
(Timbalan Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Belanjawan Negara)
- Setiausaha: **En. Pauzi Pak Chu**  
(Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan)





# PERNYATAAN STRATEGIK UMK

## PERNYATAAN STRATEGIK UMK

### VISI

Menjadi\* Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Untuk Kesejahteraan Global

### MISI

UMK menyediakan:

- Program akademik berkualiti dan relevan,
- Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan;

UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif;

*\* Visi Universiti telah dipinda dengan penambahan perkataan "Menjadi" di permulaan visi lama (hasil daripada Bengkel Perancangan Strategik Universiti Malaysia Kelantan telah diadakan pada 12 – 14 Mac 2015 di Tabung Haji (TH) Hotel, Terengganu dan dibawa ke Mesyuarat Senat bertarikh 18 Mei 2015 untuk kelulusan)*

Warga Universiti berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.

## **TAGLINE & MOTO**

*Entrepreneurship Is Our Thrust ;*  
Transformative \* Entrepreneurial \* Excellence

## **OBJEKTIF**

1. Menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi kurikulum;
2. Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat;
3. Membangun keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan;
4. Membangun kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya saing dalam penjanaan kekayaan negara;
5. Menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia;
6. Melaksanakan aktiviti pembangunan wilayah sejajar dengan rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
7. Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.

## TERAS PEMBANGUNAN

### Teras Pembangunan

1. Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti-aktiviti akademik bagi menyokong pertumbuhan Universiti;
2. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti;
3. Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti bertaraf dunia;
4. Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
5. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.

### Nilai Teras Organisasi

Setiap warga Universiti yang terdiri daripada pelajar dan staf mendukung nilai teras yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah:

#### 1. Kreatif dan inovatif

Warga Universiti harus senantiasanya mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambahbaik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga universiti juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau

persekitaran pendekatan baru dalam penawaran perkhimatan pendidikan keusahawanan dengan mengambilkira penyesuaian kepada perubahan. Kreativiti harus digunakan di dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga Universiti wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baru dan unik bagi mencipta peluang-peluang baru.

## **2. Kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta**

Warga Universiti perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baru untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga universiti wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut kehendak perubahan persekitaran kerja dan bertanggungjawab; dan

## **3. Bersikap profesional dalam segala tindakan**

Warga Universiti harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga Universiti sentiasa

memberi penekanan kepada pencapaian Visi universiti dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan berkomited serta bersyukur dan redha. Akhirnya, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas.

### Nilai Pembudayaan Warga UMK

1. Mesra dan endah
2. Jujur dan amanah
3. Bertanggungjawab dan komited
4. Bersyukur dan redha

## PENJELASAN LANJUT KEPADA VISI UNIVERSITI

Visi UMK menyokong Misi Nasional yang memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan untuk merealisasikan hasrat Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020. Modal insan yang dibangunkan di UMK mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan dapat mengadaptasi kepada perubahan persekitaran yang dinamik. UMK meletakkan sasaran untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan yang dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan negara dan masyarakat global. Secara menyeluruh, Visi UMK dapat dijelaskan melalui empat (4) komponen utama:

## Peneraju

1. Memainkan peranan sebagai agen utama untuk mencorak, membentuk dan mendidik modal insan bercirikan keusahawanan.
2. Bertekad menjadi pusat rujukan utama dalam pendidikan keusahawanan.
3. Diiktiraf sebagai institusi yang berjaya melahirkan modal insan yang tinggi nilai keusahawanan.
4. Mengekalkan kedudukan sebagai universiti terunggul negara dalam bidang kerja serta memenuhi kepuasan pelanggan.
5. Sebagai agen perubahan minda untuk membantu mempertingkatkan pengetahuan, amalan baik dan daya saing masyarakat usahawan.

## Pembangunan Modal Insan

1. Pembangunan modal insan yang selari dengan kehendak Misi Nasional dalam aspek keusahawanan.
2. Modal insan yang dilahirkan dapat memenuhi keperluan pasaran kerja atau berupaya menjadi usahawan.
3. Modal insan yang dilahirkan juga merupakan pengupaya kepada kesejahteraan masyarakat.
4. Graduan dibekalkan dengan ilmu yang seimbang dari aspek intelektual dan spiritual serta memiliki kemahiran insaniah.
5. Staf Universiti berkemampuan tinggi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

## Ciri-ciri Keusahawanan

1. **Kepimpinan;-**  
Mempunyai visi dan berkebolehan merealisasinya. Kepimpinan yang mampu melihat peluang dan berpandangan jauh, proaktif dan peka kepada perubahan persekitaran.
2. **Kesanggupan Mengambil Risiko ;-**  
Bijak dan mampu mengambil risiko (yang terkira), berani melakukan pembaharuan dan perubahan ke arah perolehan manfaat yang lebih tinggi.
3. **Mendalami Ilmu Pengetahuan;-**  
Sentiasa mencari dan meneroka ilmu pengetahuan terkini melalui pembelajaran secara formal dan informal (pendidikan sepanjang hayat) bertujuan untuk mempertingkatkan kemampuan serta berminda keusahawanan.
4. **Kenal Pasti dan Merebut Peluang;-**  
Berusaha meneroka, mengambil, mewujudkan dan memanfaatkan sebarang peluang berdasarkan perubahan persekitaran.
5. **Integriti;-**  
Berwibawa, amanah, beretika dan berdisiplin semasa melaksanakan tanggungjawab dengan mengambilkira peraturan untuk menjamin kesejahteraan organisasi dan masyarakat.

6. **Kreatif dan Inovatif;-**  
Menggunakan daya kreatif dan inovatif semasa melaksanakan apa jua tindakan dalam usaha untuk mengoptimumkan segala sumber yang sedia ada untuk menghasilkan nilai tambah.
7. **Proaktif;-**  
Mengambil inisiatif tanpa perlu menunggu arahan atau dipaksa melakukan sesuatu tindakan.
8. **Cekal;-**  
Sabar dan berdaya tahan di samping keazaman yang tinggi untuk mendorong sesuatu organisasi atau individu mencipta kejayaan.
9. **Kualiti Kerja Tinggi, Berkesan dan Cekap**  
Mengutamakan kualiti kerja yang tinggi, berkesan dan cekap yang menepati piawaian perkhidmatan.
10. **Teguh dan Tegas Kepada Prinsip;-**  
Teguh dan tegas melaksanakan tindakan mengikut peraturan, prosedur dan amalan baik dan mampu untuk menyuarakan pandangan dan teguran bagi kemajuan organisasi.

## Kesejahteraan Global

1. UMK terlibat dalam usaha mempertingkatkan kesejahteraan global - masyarakat setempat, nasional dan antarabangsa.
2. UMK membantu meningkatkan tahap ekonomi masyarakat melalui pembentukan pasaran, produk, servis dan kaedah baru.
3. UMK menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui pendidikan sepanjang hayat, penyelidikan, perundingan dan khidmat nasihat untuk mempertingkatkan kemahiran.
4. UMK berusaha membantu mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat dengan penglibatan menjana peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan baru serta menambahbaik perkhidmatan kepada masyarakat (*wealth and value creations*).
5. UMK berperanan dan menyumbang ke arah merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan bandar dan antara wilayah.

**Visi yang dinyatakan dianggap tercapai matlamatnya apabila kedudukan UMK pada masa tersebut mencapai keadaan berikut:**

### Graduan diterima dan dikenali pada peringkat global

Ini bermakna ciri dan kemahiran keusahawanan yang diterapkan dalam pendidikan di UMK menepati ciri usahawan berjaya seperti yang dipersetujui semua pihak. Tahap kualiti graduan telah mencapai kebolehpasaran yang tinggi. Terbukti graduan memiliki pengetahuan yang mencukupi dan sesuai untuk membuat adaptasi kepada persekitaran dan persaingan keusahawanan tempatan dan global.

## Graduan beretika dan endah

Setiap usaha dan tindakan oleh graduan UMK telah dilakukan dengan penuh berdisiplin dengan menggunakan pengetahuan yang luas, mengambilkira semua aspek dan implikasi, tertib mengikut prosedur dan amalan baik. Mereka merupakan warga negara yang bertanggungjawab dan meletakkan keselamatan serta kesejahteraan negara sebagai perkara terpenting. Sentiasa memberi perhatian dan bersikap endah kepada keperluan masyarakat usahawan, masyarakat umum serta rakan dalam organisasi semasa membuat keputusan. Di samping itu, graduan sentiasa menyediakan platform bagi mempertingkatkan kecekapan dan memperbaiki penawaran pasaran, memantapkan amalan baik serta kebolehan diri.

## Staf yang berkualiti tinggi dan berdaya saing dalam persekitaran tempatan dan global

Keupayaan dan pengetahuan tinggi setanding dengan pakar tempatan dan global ditunjukkan melalui usaha melibatkan diri dalam siri jemputan syarahan utama pada peringkat global. Kejayaan staf dalam aktiviti perundingan pada peringkat tinggi di dalam dan luar negara untuk sektor swasta dan awam. Menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dengan hasil penemuan yang diterima dan diiktiraf oleh pakar dan industri di peringkat tempatan dan global. Sentiasa mencambah ilmu baru dan relevan dalam bidang kepakaran di samping menjadi pakar rujuk bidang tersebut.

Justeru, Visi yang ditetapkan akan menjadi panduan untuk menggariskan halatuju universiti. Segala perancangan projek seperti program pengajian, infrastruktur yang dibangunkan, sistem penyampaian yang digunakan, pengambilan dan latihan sumber

manusia (staf) dan pembangunan sahsiah pelajar hendaklah selari dan menyokong ke arah pencapaian visi yang ditetapkan. Apabila pelaksanaan projek tersebut dijalankan dengan efisien dan efektif, universiti dapat mengeluarkan modal insan dengan kualiti keusahawanan yang tinggi, mewujudkan ekosistem yang mantap bagi menyokong pembangunan keusahawanan, di samping mempunyai kerjasama pintar dan hubungan jaringan yang teguh dengan industri dan masyarakat.

## **MATLAMAT UTAMA YANG INGIN DICAPAI**

UMK ditubuhkan sebagai Institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan akses pendidikan tinggi kepada pelbagai pihak berkepentingan merangkumi pendidikan separuh mahir, pendidikan mahir dan juga profesional. Selaras dengan tujuan utama universiti untuk mempertingkatkan modal insan yang berdaya saing dan berupaya untuk menjadi tonggak kepada pembangunan negara dalam mencapai wawasan 2020.

### **Menghasilkan Modal Insan Kelas Pertama**

UMK bertindak sebagai pemacu kepada pengeluaran modal insan yang mempunyai minda kelas pertama serta berdaya saing bagi menjadi tonggak kepada pembangunan negara. Oleh itu, dalam merealisasikan pembangunan modal insan, universiti memberikan penekanan kepada tiga aspek utama dalam penyediaan akses pendidikan menerusi pendekatan bagi melahirkan masyarakat yang separa mahir, mahir dan juga profesional. Menerusi pendekatan yang berkonsepkan separa mahir, universiti bertanggungjawab untuk memberikan akses yang lebih meluas kepada masyarakat untuk mendapatkan latihan jangka pendek dan juga jangka panjang dalam pelbagai aspek keusahawanan. Bagi melahirkan tenaga modal insan mahir dan juga profesional,

Universiti juga memberikan tumpuan kepada penghasilan modal insan dan profesional dalam pelbagai bidang secara formal dari peringkat Ijazah Sarjana Muda sehingga ke peringkat Doktor Falsafah.

### **Pembangunan Penyelidikan Dan Inovasi Yang Komersil Dan Bersifat Gunaan**

UMK juga berperanan sebagai agen perubahan kepada masyarakat menerusi pembangunan penyelidikan dan inovasi bagi kegunaan masyarakat merentas disiplin. Tujuan utama pembangunan penyelidikan dan inovasi adalah membolehkan masyarakat mengaplikasikan cadangan penyelidikan yang berupaya untuk mengubah serta mempertingkatkan serta melestarikan taraf sosio-ekonomi masyarakat

### **Pengupaya Dalam Pendidikan Keusahawanan Berteraskan Konsep Tanggungjawab sosial**

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang diberikan peranan bagi membentuk modal insan berasaskan keusahawanan, universiti bertanggungjawab bagi memberikan khidmat sosial kepada pelbagai masyarakat terutamanya kepada masyarakat tempatan khususnya dari aspek khidmat sosial yang bertujuan untuk memperkasakan kehidupan masyarakat kearah kehidupan yang lebih dinamik serta berdaya saing.

## Bertindak Sebagai Agen Pemapanan Bagi Memantapkan Masyarakat Tempatan dan Juga Nasional Dalam Aspek Keusahawanan

Sebagai institusi pendidikan yang turut memberikan keseimbangan dalam pembentukan ekosistem nasional, UMK turut memberikan tumpuan kepada agenda pembangunan masyarakat setempat dan juga di peringkat nasional dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi mempertingkatkan daya dan juga elemen keusahawanan dalam usaha mempertingkatkan sosio ekonomi negara secara umumnya. Usaha tersebut dilaksanakan dengan pelan tindakan dan juga strategi yang komprehensif bagi membolehkan UMK memainkan peranan sebagai peneraju dalam pembangunan negara menerusi elemen keusahawanan.

### Sumbangan Kepada Pihak Berkepentingan

UMK terus berusaha untuk menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak yang berkepentingan dengan Universiti iaitu pelajar, industri masyarakat dan staf.

#### 1. Pelajar

##### **Program pengajian yang berkualiti;-**

UMK menyediakan program pengajian yang berkualiti, relevan dan unik bagi menepati keperluan industri, memenuhi kehendak aspirasi pembangunan negara dan tren perkembangan pasaran kerja. Proses pembangunan kurikulum mengambilkira input dan saranan panel industri yang dilantik untuk menjamin kesesuaian dan kebolehpasaran graduan.

**Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan;-**

Proses pembelajaran akan dikendalikan oleh staf akademik yang berkualiti, berwibawa serta berkemahiran tinggi dalam bidang yang ditawarkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan untuk menjamin keberkesanannya.

**Menjamin interaksi tinggi antara pelajar dengan staf;-**

Suasana pengajaran dan pembelajaran direkabentuk untuk membolehkan staf dan pelajar berinteraksi secara terus melalui penglibatan yang menggunakan pendekatan pendidikan berteraskan pelajar. Di samping itu pelajar mempunyai akses kepada staf setiap masa tanpa mengira lokasi dengan sistem sokongan e-mel, e-pembelajaran dan e-forum.

**Menjamin interaksi tinggi sesama pelajar;-**

Interaksi sesama pelajar dapat dipertingkatkan melalui penggunaan pelbagai kemudahan pembelajaran, sokongan pembelajaran, sistem komunikasi yang baik, kemudahan riadah, rekreasi, kesenian dan sukan, penginapan yang kondusif untuk penerapan pengalaman dan pengkayaan intelektual semasa di Universiti.

### **Pelajar berpeluang berinteraksi dengan masyarakat industri dan global;-**

Semasa belajar di UMK, pelajar disediakan pelbagai peluang untuk berinteraksi terus dengan pihak industri dan masyarakat global sebagai sebahagian daripada pengalaman sebenar dalam industri. Selain daripada program latihan industri untuk pelajar, pihak industri melibatkan diri secara aktif dan berterusan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Pembelajaran sepanjang hayat;-**

Pembinaan sahsiah yang berlaku di UMK mampu menyokong proses berterusan peningkatan taraf hidup pelajar.

Secara keseluruhannya, pengisian pembelajaran dan pengajaran serta pendekatan yang diambil dan penekanan yang diberikan digubal supaya menjurus untuk merealisasikan hasrat menghasilkan graduan yang holistik, seimbang dengan ciri-ciri keusahawanan.

## **2. Industri**

### **Menyediakan modal insan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pasaran industri;-**

Modal insan ini telah dilatih dengan menggunakan kurikulum yang digubal mengikut saranan dan input oleh pihak industri. Di samping itu, pihak industri juga terlibat terus memberi sokongan pembelajaran kepada pelajar.

**Menyediakan platform (pelantar) untuk kerjasama pintar UMK dengan industri;-**

Perkongsian dan kerjasama ini dilaksanakan melalui penajaan, penyelidikan, khidmat nasihat, latihan, penghasilan dan pengkomersilan produk dan perkhidmatan serta pertukaran dan perkongsian kepakaran.

**Menawarkan kepakaran kepada industri melalui perkhidmatan profesional;-**

Khidmat perundingan, penyelidikan operasional, menyediakan pusat maklumat perisikan pasaran, pusat rujukan dan maklumat strategik perniagaan.

**3. Masyarakat**

**Menjadi agen perubahan;-**

Memainkan peranan membentuk masyarakat ke arah bercirikan keusahawanan seperti membantu mengenal pasti peluang kerjaya untuk diceburi dan mengubah minda dan nilai masyarakat khususnya dalam aspek keagamaan dan kebudayaan.

**Menyediakan program pendidikan sepanjang hayat;-**

Melalui program kesedaran kepentingan keusahawanan dan latihan asas keusahawanan kepada masyarakat. Membantu proses pertumbuhan keusahawanan dengan menawarkan khidmat nasihat, kursus, bengkel dan latihan. Pelaksanaan program ini dilihat mampu menyumbang kepada hasrat untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

**Penggerak untuk memajukan proses keusahawanan enterpris kecil dan sederhana (EKS);-**

Menyediakan bimbingan dan inkubator perniagaan. Seterusnya mempercepatkan proses pengkomersialan produk dan servis yang diterajui oleh UMK bersama EKS terbabit.

**4. Staf**

Universiti menyediakan dan memberi kemudahan kepada staf melalui pembangunan kerjaya, imbuhan gaji, kebajikan staf dan keluarga, geran penyelidikan dan perundingan. Memberi ruang berbakti dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan global. Staf turut diberi ruang interaksi dengan kepimpinan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Staf mampu merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat.

## KONSEP DAN FALSAFAH PEMBANGUNAN PENDIDIKAN UMK

### Konsep Pembangunan pendidikan

Dalam usaha menuju ke arah sebuah Universiti berfokus, UMK dibangunkan secara berperingkat dan keusahawanan dijadikan teras utama dalam pembangunan pendidikannya. Lima (5) sektor yang diberi keutamaan ialah pembangunan program akademik, sumber manusia, infrastruktur, sistem governans dan khidmat masyarakat. Perhatian khusus diberi bagi menghasilkan graduan yang memiliki atribut keusahawanan untuk meningkatkan daya saing kebolehpasaran pada peringkat domestik dan antarabangsa. Di samping itu, keutamaan juga perlu diberikan untuk pengkomersialan harta intelek bagi manfaat masyarakat. Justeru, konsep pembangunan pendidikan UMK adalah untuk merealisasikan visi dan misi Universiti.

### Falsafah Pendidikan


Falsafah pendidikan Universiti adalah berteraskan kepada penerapan atribut keusahawanan kepada siswa melalui pendidikan keusahawanan dan pendidikan enterpris yang diterapkan (*embedded*) dalam semua kurikulum pengajian. *Entrepreneurship is Our Thrust* akan terus dijadikan intipati kepada falsafah pendidikan Universiti. Justeru, falsafah pendidikan UMK perlu mendokong Universiti untuk menjadi sebuah Universiti Keusahawanan (*Entrepreneurial University*).

## Ciri-ciri utama UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan

1. Universiti mendorong dan mempromosikan cara pemikiran dan kepimpinan keusahawanan;
2. Mempelbagaikan sumber tabungan (dana) Universiti melalui pembiayaan sumbangan (*endowment*), perkhidmatan pakar seperti perundingan, kursus pendek, R&D, pemindahan teknologi, pengendalian Pusat Inovasi dan Inkubator, ladang Universiti, dsb.;
3. Mengamalkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berintegrasi dan inovatif dengan melibatkan kajian kes sebenar secara meluas. Sistem ini dapat dijayakan dengan cara memperkembangkan idea bisnes dan mendapat sokongan daripada peniaga tempatan yang juga berfungsi sebagai mentor untuk meningkatkan keupayaan keusahawanan siswa UMK;
4. Mengeksploitasi sepenuhnya kemampuan keusahawanan dalam pembangunan wilayah melalui jalinan usahasama dan kerjasama pintar (*smart partnership*);
5. Universiti secara aktif terlibat dengan keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*) dalam usaha menjana kekayaan (*value creation*) masyarakat.

## Pendidikan Keusahawanan

Sejajar dengan tujuan sebagai Universiti Keusahawanan, UMK telah melalui beberapa proses untuk menggubal Konsep pendidikan Keusahawanan yang merupakan pegangan kepada semua pelaksanaan program pengajian universiti. Konsep ini yang dikenali sebagai Model Pendidikan Keusahawanan dan Pendidikan Enterpris, dengan jelas dan secara eksplisit menekankan kepada pendidikan keusahawanan yang mengarah kepada pengeluaran graduan yang bercirikan keusahawanan atau "enterprising graduates", seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah dibawah.




Model yang dibangunkan ini dilihat berupaya menggabungkan dua bentuk pendidikan iaitu pendidikan keusahawanan dan pendidikan enterprais dalam satu proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan Keusahawanan (*Entrepreneurship Education*) merujuk kepada kurikulum yang digubal untuk menerapkan pendidikan yang berteraskan kepada ilmu dan teori pengajian keusahawanan yang sedia ada (*established knowledge and theories*) dalam persekitaran yang *artificial*.


Manakala Pendidikan Enterprais (*Enterprise Education*) merujuk kepada kurikulum yang menekankan kepada menanam dan memperkembangkan pengetahuan tasit pelajar dalam keadaan dan persekitaran sebenar (*real environment or setting*). Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan sendiri projek yang mereka cadangkan, atau mempelajari ilmu tertentu secara pemerhatian, pengalaman atau penemuan. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan keyakinan diri pelajar serta membuat mereka lebih bijak (*street smart*) dalam mengambil keputusan.

Pendekatan model ini membolehkan pendidikan secara teori digabungkan dengan aspek pembelajaran secara '*experiential learning*' dalam semua aktiviti pembelajaran formal atau tidak formal. Kurikulum keusahawanan yang digubal merangkumi kandungan kursus, pedagogi yang digunakan, sistem penilaian, prasarana pengajaran dan pembelajaran (ekosistem), kemahiran dan kelayakan tenaga pengajar serta kaedah pelaksanaan dalam konteks akademik dan bukan akademik diharap dapat mencapai matlamat yang diharapkan.

Walaupun fokus utama UMK adalah untuk melahirkan graduan yang bercirikan keusahawanan, usaha ke arah mengeluarkan graduan usahawan juga diperhatikan. Namun, sasaran untuk graduan usahawan ini, yang akan terlibat langsung dalam perniagaan hanyalah dalam bilangan yang kecil iaitu 10 peratus.

Dalam masa yang sama, menyedari akan kepentingan untuk mengutamakan graduan usahawan, UMK mengorak langkah untuk melipatgandakan usaha dengan mengambil dan melatih pelajar dari kalangan usahawan dengan menyifatkan mereka sebagai pelajar *non-traditional*. Usahawan yang memerlukan latihan dan pendedahan lanjutan akan dibawa masuk dan dibimbing sehingga ilmu-ilmu serta pendekatan perniagaan yang baru dapat mereka hayati dan manfaatkan untuk lebih mengoptimumkan perusahaan atau perniagaan mereka. Untuk tujuan ini, Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) secara khusus dipertanggungjawabkan untuk mengendalikannya.





# ASAS PERANCANGAN LIMA TAHUN UMK

## JUSTIFIKASI PENYEDIAAN RANGKA PELAN STRATEGIK DAN HALATUJU UNIVERSITI

Sebagai sebuah Universiti yang sedang berkembang dan mencipta nama, satu dokumen pelan strategik dan halatuju yang menggariskan pelan pembangunan akademik, sumber manusia, infrastruktur, sistem governan dan pengantarabangsaan pendidikan UMK untuk tempoh jangka pendek dan jangka panjang amat diperlukan dan relevan. Antara justifikasi pelan strategik dan halatuju disediakan adalah untuk;

1. Merancang pembangunan yang memenuhi permintaan dan perubahan dalam pendidikan tinggi yang sangat dinamik di peringkat negara dan global;
2. Memperkasakan pendidikan sebagai teras kepada penjana modal insan minda kelas pertama dan kekayaan negara;
3. Mengadakan panduan kepada pelaksanaan bagi menghadapi cabaran dan persaingan sengit dalam sektor ekonomi berasaskan pengetahuan;
4. Mendisiplinkan pembangunan UMK supaya bergerak di atas landasan dan acuan yang dipersetujui untuk pembentukan budaya Universiti;
5. Mengikuti perkembangan dan penggunaan teknologi bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kepada sistem penyampaian pendidikan tinggi;

6. Membudaya dan memberi kepentingan kepada pendidikan sepanjang hayat (PSH) bagi meningkatkan keupayaan dan memartabatkan masyarakat berpengetahuan.



## ANALISIS SWOT (KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN)

### Kekuatan (Strengths):

1. Lokasi UMK yang berada dalam persekitaran masyarakat berkeusahawanan dengan sendirinya memudahkan sistem pembangunan nilai tersebut direalisasikan.
2. Sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi(KPT) Universiti Awam (UA)lain, agensi kerajaan, swasta dan *stakeholders* telah menyuntik rangsangan tinggi ke arah pembangunan UMK.
3. *“Entrepreneurial University: niche programmes”*, penawaran program-program bercirikan keusahawanan secara langsung memberi nilai yang tersendiri berbanding Universiti lain dari pelbagai sudut.
4. UMK mempunyai kerjasama erat dengan industri dan berjaya menjayakan aktiviti akademik dan penyelidikan yang lebih bermutu.
5. Barisan tenaga pengajar yang berpengalaman dan mahir mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar biasa dan pelajar *“non-traditional”*.

### Kelemahan (Weaknesses):

1. Infrastruktur atau ekosistem yang masih tidak mencukupi. Ia merangkumi infrastruktur fizikal seperti bilik kuliah, pejabat, asrama, ko-kurikulum dan rekreasi. Manakala infrastruktur bukan fizikal merangkumi teknologi maklumat dan komunikasi termasuk capaian internet yang perlahan, kerangka perundangan dan dasar, pembangunan kurikulum dan latihan.
2. UMK terpaksa membangunkan budaya Universiti di sekitar kawasan perindustrian yang kekurangan dari sudut sumber maklumat terpilih.
3. Penawaran program (jenama/produk) baru di pasaran masih tidak menjadi pilihan utama pelajar kerana ianya belum mendapat keyakinan tinggi dari pelajar.
4. Jumlah kakitangan yang terhad dan masih memerlukan latihan dan bimbingan bagi meningkatkan kecekapan supaya sistem dan proses kerja dapat dimantapkan di semua jabatan.
5. Aktiviti penyelidikan dan inovasi masih di tahap sederhana. Ini kerana kekurangan peruntukan penyelidikan dan inovasi serta bilangan penyelidik dan saintis yang masih rendah.
6. Pensyarah dibebani dengan kerja-kerja perkeranian dan pentadbiran. Justeru, banyak masa dihabiskan untuk kerja pentadbiran menyebabkan kurang tumpuan kepada bidang akademik.

### Peluang (Opportunities):

1. UMK sebagai Universiti Keusahawanan menjadikannya penting kepada negara dalam menyuntik budaya keusahawanan.
2. UMK menyediakan program yang memenuhi keperluan pasaran dan agenda Negara.
3. UMK menyumbang kepada pembangunan industri asas tani (tumpuan kerajaan, *food security agenda*) dan warisan (terlibat dengan pendidikan pemuliharaan dan pemulihan seni budaya, binaan manusia dan sumber asli).
4. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan empat skim penyelidikan iaitu iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS), Skim Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS). Pengenalan skim FRGS dan LRGS memberi manfaat kepada penyelidik apabila KPT membuka seluas-luasnya dana penyelidikan berdasarkan merit tanpa mengira status masing-masing.

### Ancaman (Threats):

1. Perubahan pengaruh dan kepimpinan politik berkemungkinan berlakunya perubahan dasar, strategi dan halatuju kerajaan.
2. Persaingan daripada IPTA/IPTS dalam dan luar negara dari sudut kemasukan pelajar, geran penyelidikan dan merebut pelbagai peluang.
3. Perubahan persekitaran ekonomi memungkinkan terjadinya kenaikan kos belanjawan, inflasi dan sebagainya.

4. Suasana kehidupan dan kemudahan serta persekitaran yang kurang menarik dan kondusif untuk pakar luar berkhidmat di UMK.
5. Terdapat sebilangan kecil staf yang bersikap tidak bertanggungjawab dan kurang inovatif dan proaktif.
6. Fenomena penghijrahan pensyarah menjadi satu ancaman kerana ia melibatkan kos yang tinggi untuk menghasilkan seorang pensyarah. Antara faktor penyumbang ialah tawaran yang lebih menarik dari sektor swasta.
7. Persepsi masyarakat universiti melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dan bukannya golongan pencipta peluang pekerjaan.

## **FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL (CSF)**

Kejayaan membangunkan UMK sebagai sebuah organisasi baru, bergantung kepada beberapa faktor kejayaan kritikal (CSF) yang berikut:

1. Kefahaman Falsafah dan Budaya Universiti Keusahawanan;
2. Kepimpinan dan Urus Tadbir;
3. Pengurusan Kewangan dan Sumber;
4. Sumber Manusia Berkualiti;
5. Infrastruktur dan Sistem Sokongan;
6. Pelajar Berkualiti;
7. Produk dan Perkhidmatan;
8. Pemasaran dan Pengurusan Jenama;
9. Jaringan dan Kerjasama;
10. Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan.

Bagi menjelaskan maksud setiap CSF di atas, atribut utama yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

### **Kefahaman Falsafah dan Budaya Universiti Keusahawanan**

UMK sebagai sebuah universiti keusahawanan didokong oleh kefahaman yang jelas tentang konsep keusahawanan oleh seluruh sistem di universiti secara holistik dari manusia hingga prasarana. Budaya keusahawanan menjadi paksi, pegangan dan teras dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memperkasakan universiti.

### **Kepimpinan dan Urus Tadbir**

Pengurusan tertinggi yang mantap yang mampu mengukuhkan halatuju ke arah kecemerlangan. Walau bagaimanapun setiap warga UMK adalah pemimpin pada tahap masing-masing, yang perlu mempunyai ciri kepimpinan berkualiti seperti berwawasan, *role model*, dan memahami serta menghayati visi dan misi Universiti. Pemimpin mampu mengamalkan budaya kepimpinan dan sistem urus tadbir korporat yang berintegriti.

### **Pengurusan Kewangan dan Sumber**

Sistem pengurusan kewangan yang disokong oleh proses kerja yang cekap, telus, terancang. Justeru mampu mengoptimumkan kewangan dan sumber yang menjamin segala perancangan universiti dilaksanakan dalam masa yang telah dijadualkan. Pasukan pengurusan kewangan melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, integriti tinggi dan akauntabiliti.

## Sumber Manusia Berkualiti

Sumber manusia berkualiti yang berilmu, kompeten, kreatif dan inovatif yang mampu bekerja di bawah penyeliaan minimum, bertanggungjawab, berintegriti, komited serta bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan.

## Infrastruktur dan Sistem Sokongan

Infrastruktur dan sistem perkhidmatan sokongan kukuh yang memahami peranan masing-masing bagi memperkasakan bisnes teras universiti. Penyediaan infrastruktur yang mantap disertakan dengan inovasi dan kreativiti yang mampu meningkatkan keupayaan universiti dalam pentadbiran, pengurusan sumber, kewangan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, serta perkhidmatan. Dalam masa yang sama juga mampu menangani semua masalah dengan berkesan, cepat dan tepat.

## Pelajar Berkualiti

Pelajar dengan latarbelakang akademik cemerlang dan mempunyai atribut keusahawanan, terutamanya keupayaan menjana peluang, kesanggupan mengambil risiko dan berinovasi serta mampu bersaing dalam berbagai keadaan. Graduan yang dilahirkan mampu menepati keperluan pasaran pekerjaan berdasarkan prestasi akademik yang cemerlang dengan nilai sahsiah tinggi, berketerampilan, berpotensi tinggi, serta kemahiran insaniah yang tinggi.

## Produk dan Perkhidmatan

Produk berkualiti yang meliputi program akademik, kursus, latihan dan perkhidmatan yang relevan (termasuk R&D, perundingan, penasihat dan khidmat masyarakat) serta kepakaran staf yang dapat dimanfaatkan untuk memberi impak yang tinggi kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan masyarakat (pelanggan dan pengguna).

## Pemasaran dan Pengurusan Jenama

Jenama UMK sebagai Universiti Keusahawanan dikenali masyarakat dalam serta luar negara berdasarkan ciri universiti yang unik dan relevan. Strategi pemasaran dan penjenamaan yang tersusun meletakkan universiti setanding dengan universiti-universiti lain.

## Jaringan dan Kerjasama

Sebagai institusi yang sedang berkembang, sokongan dan input daripada berbagai pihak luar seperti rakan UA, agensi kerajaan, swasta dan industri bagi memantapkan program Universiti adalah sumber kekuatan yang perlu diberi perhatian. Bagi memantapkan jalinan dengan pihak industri, kerjasama dengan Panel Universiti-Industri mampu memantapkan halatuju universiti dan dapat memperkayakan proses pengajaran dan pembelajaran.

## Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

Strategi memperkukuhkan dan memperkasakan penyelidikan dan pembangunan yang menjamin hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan juga untuk dikomersialkan. Universiti mengutamakan penyelidikan bermutu tinggi yang menjana inovasi sama ada penyelidikan yang bercorak asas atau gunaan dengan penerokaaan dalam bidang terkini bagi menangani isu pada peringkat negara dan antarabangsa.





## FASA DAN TERAS PEMBANGUNAN


## PENGENALAN

Pembangunan universiti dirangka berdasarkan pendekatan berikut:

1. Menjelaskan hasrat universiti untuk mencapai sasaran dan memenuhi agenda negara;
2. Menyediakan sasaran kerja dan pelan tindakan sejajar dengan agenda universiti dan negara
3. Sebagai garis panduan pelaksanaan projek/ program/ aktiviti universiti
4. Memantau pelaksanaan bagi meningkatkan prestasi keseluruhan UMK

## KONSEP PEMBANGUNAN UMK

Semenjak tahun 2006, UMK dibangunkan mengikut perancangan secara berfasa (fizikal dan bukan fizikal). Pembangunan UMK adalah berpandukan kepada tiga Fasa iaitu perletakan asas (tahun 2006 - 2010 ), Pembangunan Keupayaan (tahun 2011 - 2015) dan pemantapan dan kelestarian (tahun 2016 - 2020) seperti dalam rajah di bawah;



## Fasa Perletakan Asas

Tempoh 2006 - 2010: Merekabentuk organisasi, perletakan asas dengan menyediakan program pengajian, tempat operasi, staf, sistem pentadbiran dan pembentukan UMK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi.

## Fasa Pembangunan Keupayaan

Tempoh 2011 - 2015: Melengkap dan membangunkan keupayaan beroperasi termasuk pengambilan staf, pembangunan fizikal dan pemantapan sistem organisasi. Dalam tahap ini infrastruktur atau fizikal Universiti diwujudkan khususnya untuk Kampus Induk dan Kampus Jeli sehinggalah kekemasan dari semua sudut pengurusan Universiti ke tahap baik.

Dalam fasa ini juga, penekanan diberikan untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi staf di semua peringkat Universiti. Pelan Pengurusan Bakat yang digubal mestilah menyentuh mengenai program latihan kepada bakal pemimpin Universiti yang telah dikenalpasti untuk menyandang jawatan yang lebih kanan sehingga bersedia untuk menyandang jawatan tersebut.

## Fasa Pemantapan dan Kelestarian

Tempoh 2016 – 2020: Fasa ini menyaksikan Universiti melengkapkan dan mengoptimalkan segala kekuatan untuk diterima oleh semua peringkat sebagai institusi pengajian yang relevan dan berprestasi. Keupayaan Universiti dimanfaatkan melalui pemantapan dan kelestarian sistem. Pengeluaran hasil berimpak tinggi diutamakan.

Kini, fasa perletakan asas Universiti sudah selesai. Pembentukan asas Universiti telah berjaya dikecapi dan proses ini telah berlanjutan sehingga 2010. Antara pencapaian yang boleh dirumuskan adalah: 14 program pengajian telah ditawarkan bersamaan dengan penubuhan empat fakulti dan satu pusat akademik; lebih daripada 400 staf (akademik dan bukan akademik) telah diambil pada fasa pertama bagi melancarkan operasi Universiti; infrastruktur asas (fizikal dan sistem sokongan serta aset) telah disediakan dan sistem pentadbiran serta pengurusan telah diwujudkan.

Bagi merealisasikan perancangan, Universiti seterusnya telah memberi tumpuan kepada fasa kedua pembangunan keupayaan (2011-2015). Pencapaian setakat tahun 2014 boleh dirumuskan seperti berikut: 19 program pengajian telah ditawarkan oleh lima fakulti dan satu pusat akademik; jumlah staf telah mencecah ke 1168 orang pada pertengahan tahun 2015 dan antaranya 45 adalah staf antarabangsa; jumlah pelajar adalah seramai 8818 orang; dan empat bangunan fizikal telah siap pada awal tahun 2015.

Seterusnya UMK akan memasuki fasa pemantapan dan kelestarian (2016-2020) untuk membolehkan UMK cemerlang atau sekurang-kurangnya setara dengan Universiti lain dalam Negara (dan luar Negara) dengan ciri-ciri unik dan berbeza di samping memberi impak tinggi kepada pihak berkepentingan dan masyarakat.

Menjelang tahun 2020, Universiti akan dinilai dari semua sudut prestasinya dan terus mengorak langkah baru untuk bersaing dan dimanfaatkan bukan hanya di peringkat kebangsaan, bahkan peringkat antarabangsa.

## Pembangunan Fizikal Berpandukan Pelan Induk

UMK telah mempunyai perancangan pembangunan seperti yang digambarkan oleh pelan induk pembangunan fizikal. Perancangan pembangunan merangkumi dua kampus iaitu pembangunan Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Projek Pembangunan fizikal kampus ini adalah secara berfasa dan sebahagian daripada projek Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada akhir tahun 2010.

## Kaedah Penyampaian dan Teras Pembangunan

Visi UMK hanya boleh dicapai dengan pelaksanaan program/projek yang bersesuaian dan menyokong usaha pencapaian visi tersebut. Berdasarkan kepada hasil rumusan bengkel pembentukan Pelan Strategik dan Halatuju Universiti Malaysia Kelantan 2010 - 2020, lima strategi penyampaian dirumuskan untuk diberi tumpuan dan dilaksanakan iaitu berkaitan dengan:

1. Program Akademik;
2. Modal Insan atau Sumber Manusia;
3. Infrastruktur dan Persekitaran Pembelajaran/Pengajaran;
4. Pengurusan dan Pentadbiran; dan
5. Khidmat Masyarakat.

Kaedah penyampaian ini hendaklah dilaksanakan selari dengan teras pembangunan seperti yang digariskan dalam Halatuju Universiti 2010 - 2020 dan Pelan Strategik UMK 2016 - 2020.

## LIMA TERAS PEMBANGUNAN UMK

Lima teras diutamakan dengan tujuan membangunkan keupayaan Universiti dan menyokong pertumbuhan iaitu:

### Teras 1:

Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti untuk melahirkan modal insan berkualiti.

### Teras 2:

Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.

### Teras 3:

Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti bertaraf dunia.


### Teras 4:

Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap.

### Teras 5:

Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.

## Model Teras Pembangunan UMK



## TERAS 1:

1. Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti untuk melahirkan modal insan berkualiti;
2. Meningkatkan enrolmen pelajar sehingga 10,000 orang pada tahun 2015 dan 15,000 pada tahun 2020 bagi menyumbang kepada sasaran 50% kohort umur 17-23 tahun mendapat pendidikan tertiar. Dari jumlah ini Universiti mensasarkan 20% adalah pelajar pasca siswazah;
3. Memperluas dan menawarkan program pengajian strategik (unik) kepada pembangunan modal insan negara untuk kecemerlangan akademik dan masyarakat;
4. Memantapkan sistem penyampaian bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran;
5. Memperkasa program pendidikan keusahawanan dan enterpris (*entrepreneurship and enterprise education*) merentasi semua program pengajian;
6. Memperluaskan penawaran dan memantapkan pengajaran bahasa ketiga serta kemahiran insaniah dalam pengajian;
7. Menggiatkan pengantarabangsaan Universiti dengan mensasarkan 15% staf akademik antarabangsa, 10% pelajar antarabangsa di Universiti dan melaksanakan program mobiliti dengan meluas;
8. Menghasilkan 10% graduan usahawan setiap tahun dan ini adalah dua kali ganda dari sasaran Negara.
9. Menyedari kehendak negara untuk menyemarakkan penemuan baru yang akan membantu memacu perkembangan ekonomi, penglibatan pelajar di peringkat pasca sarjana perlu dipertingkatkan. Walaupun bilangan pelajar

ini disasarkan berada pada tingkat 20%, ianya akan dipergiat melalui pengambilan pelajar yang '*non-traditional*' iaitu di kalangan usahawan dan pekerja melalui program yang dibangunkan khusus untuk menjambatani penemuan dan ilmu-ilmu yang baru.

## TERAS 2:

1. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, beretika dan berintegriti;
2. Melahirkan staf berciri keusahawanan;
3. Memperkasakan keupayaan staf akademik dengan mensasarkan 70% dari pada mereka berkelulusan PhD. pada tahun 2020;
4. Meningkatkan kualiti dan keupayaan staf pengurusan dan profesional;
5. Memperkasakan program pembelajaran sepanjang hayat. Semua staf tetap dan pinjaman perlu mengikuti program CPD sekurang-kurangnya 42 jam setahun;
6. Meningkatkan keupayaan untuk meneraju penyelidikan dan inovasi dalam bidang keusahawanan.

### TERAS 3:

1. Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti bertaraf dunia; Membangunkan infrastruktur yang kondusif sesuai dengan perkembangan enrolmen pelajar dan perkembangan teknologi untuk menyokong keperluan pengajaran dan pembelajaran dengan ICT sebagai pengupaya;
2. Pembangunan infrastruktur yang memenuhi piawaian yang ditetapkan (cth.: Pembelajaran dan pengajaran dengan pendekatan *Project-Oriented Problem Based Learning* (PoPBL) atau *Problem-Based Learning* (PBL) dan melalui Kajian Kes; mempelbagaikan Koleksi Perpustakaan; dan meningkatkan peralatan ICT dan sebagainya);
3. Menyediakan asrama untuk menempatkan 100% pelajar tahun pertama;
4. Menyediakan infrastruktur menyokong keperluan menjalankan penyelidikan dan inovasi dan;
5. Menyediakan inkubator perniagaan di setiap kampus UMK.

## TERAS 4:

1. Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
2. Membangun dan memperkukuhkan budaya serta nilai korporat Universiti yang berteraskan jujur, ikhlas, bersyukur dan redha;
3. Mengamalkan sistem tadbir urus yang mantap bagi menjamin integriti dan akauntabiliti dalam penyampaian;
4. Menyediakan sistem pengurusan kewangan yang berwibawa, cekap dan berkesan.

## TERAS 5:

1. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri;
2. UMK membangun bersama *East Coast Economic Region (ECER)* bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, infrastruktur serta perubahan sosio-ekonomi dan minda masyarakat;
3. Memperkasakan proses pembangunan masyarakat keusahawanan dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera (BCIC);
4. ISME berperanan sebagai Pusat Sehenti (*One-stop Centre*) memberi fokus kepada pembangunan enterpris kecil dan sederhana khususnya;
5. Peka dan bertindak seiring dengan perkembangan persekitaran global;
6. Menyampaikan hasil penyelidikan dan inovasi kepada pihak berkepentingan;
7. Memperkasakan hubungan bestari dan kerjasama strategik dengan industri (tempatan dan antarabangsa);
8. Memasyarakatkan Universiti.

### **Tugas dan Skop Tanggungjawab Project Management Office (PMO)**

Dalam usaha menterjemahkan strategi kepada sistem operasi, satu pasukan petugas yang dikenali sebagai PMO ditubuhkan bagi setiap teras. Lima (5) kumpulan PMO tersebut akan meneliti, mengkaji dan menentukan program/projek yang sesuai untuk dilaksanakan dan seterusnya memantau keberkesanannya.

Butiran tugas PMO mengikut teras adalah seperti dalam Jadual di bawah:


BIL.	TERAS 1(T1)	TERAS 2(T2)	TERAS 3(T3)	TERAS 4(T4)	TERAS 5(T5)
1.	Pembangunan Program Pengajian dan Kurikulum  Kualiti/ Pengiktirafan/ Semakan Kurikulum/ Input Industri	Pengurusan Sumber Manusia  Pengambilan Staf Akademik dan Sokongan	Infra Pengajaran dan Pembelajaran  Fizikal dan persekitaran Universiti	Membangunkan Sistem Pengurusan dan Tadbir urus Berkualiti  Budaya kerja berprestasi tinggi	Jalinan Universiti dan Industri  Kurikulum/ Syarahan Motivasi Pelajar dan Staf
2.	Keupayaan Akademik  Penyelidikan/ Penerbitan/ kualiti staf	Latihan dan Pembangunan Kerjaya  Peningkatan kompetensi	Kemudahan dan kediaman pelajar  Persekitaran yang selamat dan dilengkapi kemudahan asas	Membangunkan sistem Penyampaian perkhidmatan berkesan Kepuasan pelanggan / <i>Zero complaint</i>	Pembangunan Wilayah  PKS/ Manusia Usahawan Sosial dan Tambah nilai ekonomi
3.	Sistem Penyampaian Akademik  Pendekatan P&P/ Teknik/ Metodologi	<i>Recruitment</i> (pengambilan) staf  Staf berkemampuan, berkualiti dan berpengetahuan	Keselamatan dan kesihatan ( <i>safety and health</i> )  Persekitaran kondusif	Membangunkan sistem audit kualiti dan kaedah pemantauan berkesan  Program pengiktirafan / sistem tadbir urus berkualiti	Pemindahan Teknologi  Penjanaan Pendapatan ( <i>wealth creation</i> ) / Komersialisasi / inovasi perniagaan
4.	Pengantarabangsaaan Program  <i>Enrolment/ staf/ komponen program/staf</i>	Pembangunan Profesional staf  Nilai budaya/ Etika kerja/ Integriti staf	<i>ICT Capability</i>  Pengupaya dan penyokong pembelajaran dan pengajaran	Pengurusan Kewangan  Sistem Pengurusan kewangan/ pejabat sumber kewangan/ bajet	
5.	Hal Ehwal Akademik Pelajar  Peningkatan Kualiti program akademik dan kepelbagaian program mobiliti pelajar				

## HUBUNGAN STRATEGIK UMK DENGAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM) 2015 -2025

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk mentransformasikan pendidikan Negara melalui PPPM 2015 – 2025, pihak Universiti telah mengenalpasti sasaran Universiti yang boleh menyumbang kepada kejayaan PPPM.



Perkaitan sasaran Universiti dengan PPPM ditunjukkan di jadual di bawah;



## Hubungan E-PMO KPM dengan Teras Strategik UMK (UKRA)

Lapan belas agenda kritikal E-PMO KPM kekal menjadi agenda dalam pelaksanaan teras strategik UMK. Jadual di bawah menunjukkan hubungkait antara kedua-duanya.

BIL	E-PMO KPM (Agenda Kritikal)	UKRA1	UKRA2	UKRA3	UKRA4	UKRA5
1.	Autonomi, manfaat kepada universiti, mengimbangi autonomi dan akauntabiliti, pelaporan yang lebih komprehensif berpandukan KPI		x		x	
2.	Kepimpinan – <i>search committee</i> , AKEPT					
3.	Akademia yang kreatif dan inovatif	x	x			x
4.	Pembelajaran dan pengajaran program, nilai tambahan kepada graduan, kaedah penyampaian berpusatkan pelajar	x			x	x
5.	Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	x				x
6.	Pengantarabangsaan	x	x			
7.	Kebolehpasaran graduan-keusahawanan a) Ko-Kurikulum kebolehpasaran b) Kurikulum c) Input Majikan	x	x		x	x
8.	APEX					
9.	<i>My-Brain</i>	x	x			
10.	<i>Continuing Education</i>		x			x
11.	Audit akademik – <i>Code of Practice</i>	x			x	
12.	Pembiayaan 140,000 pinjaman, 1.2 juta peminjam					
13.	IPTS perlu ditambah					
14.	Tabung Pembangunan Modal Insan		x			x
15.	Sistem penyampaian-prosedur kerja, tadbir urus, nilai murni	x			x	
16.	Pembangunan holistik Pelajar, kehidupan kampus dan ko-kurikulum, extra ko-kurikulum	x		x	x	x
17.	Politeknik dan Kolej Komuniti					
18.	Akademia-industri, interaktif proses	x	x		x	x







**UMK RELEVAN, UNIK DAN BERBEZA**


## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN RELEVAN, UNIK DAN BERBEZA

Semenjak penubuhan pada tahun 2006 sehingga 2015, UMK giat membentuk dan memperjuangkan ciri-ciri tersendiri iaitu relevan, unik dan berbeza melalui pelbagai inisiatif. Keistimewaan UMK dengan ciri-ciri ini (relevan, unik dan berbeza) dipercayai mampu mencipta dan memetakan nama Universiti di persada dunia yang begitu sinonim dengan Visi UMK.

Pelan Strategik 2016 - 2020 bertujuan untuk mengukuhkan status UMK sebagai Universiti Berfokus berteraskan keusahawanan yang berautonomi penuh. Penjanaan pendapatan dan daya saing dapat dipertingkatkan dengan adanya autonomi penuh dan ini secara tidak langsung dapat menunjukkan kepakaran dan kebolehan modal insan di Universiti, didokong oleh tadbir urus dan governan yang teratur.

Dari masa ke semasa, UMK merujuk semula halatuju dan pelan strategik serta pencapaian yang telah dikecapi untuk membolehkan Universiti kekal relevan mengikut aliran semasa, unik dengan pemetaan strategik posisi (*strategic positioning*) melalui strategi yang berbeza (*differentiation strategy*) daripada institusi pengajian tinggi yang lain.

Penilaian status relevansi, keunikan, dan perbezaan UMK adalah berdasarkan kepada persoalan seperti berikut:



Justeru ini, rangka penciptaan perbezaan UMK telah ditetapkan, dipersetujui dan aspek perbezaan yang ditekankan adalah seperti berikut:

- Pedagogi pengajaran dan pembelajaran
- Budaya keusahawanan
- Ekosistem keusahawanan
- Penglibatan komprehensif pelajar dan staf

INSIATIF UNIVERSITI KEUSAHAWANAN: RELEVAN, UNIK DAN BERBEZA			
Pedagogi pengajaran dan pembelajaran	Budaya keusahawanan	Ekosistem keusahawanan	Penglibatan komprehensif pelajar dan staf
<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10% kursus keusahawanan merentasi program pengajian</li> <li>• <i>Student-centered Learning</i> (OBE,PBL, POPBL, Kajian Kes)</li> <li>• <i>Experiential Learning (Entrepreneurial Visit)</i></li> <li>• <i>Students In Enterprise Program</i> (SIEP)</li> <li>• Pengajaran bersama pihak industri (<i>Guest Lecture</i>)</li> <li>• Penggunaan <i>ipad</i> dan <i>smart classroom</i></li> <li>• Program Keusahawanan 2+2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Lecture Series</i> (CLS, PELS, Mitos &amp; Realiti, Biokeusahawanan, <i>Nature Entrepreneurship Talk</i>, Syarahan Perdana)</li> <li>• <i>Institute of Small and Medium Enterprise</i> (ISME)</li> <li>• <i>Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre</i> (GERIC)</li> <li>• UMK <i>Entrepreneurial Institute</i> (UMKEI)</li> <li>• Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (INSPEK)</li> <li>• <i>University-Community Transformation Centre</i> (UCTC)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungan Strategik dengan Pihak Industri</li> <li>• Hubungan Strategik dengan <i>Babson College</i></li> <li>• <i>Student Enterprise Centre</i></li> <li>• Pembelajaran melalui Simulasi (<i>Hospitality Lab, Spa, Retail Lab</i>)</li> <li>• <i>Eco-Drainage System</i></li> <li>• Program Mobiliti Pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Student Enterprise Centre</i></li> <li>• <i>Staff Industrial Attachment</i></li> <li>• Anugerah Gemilang Universiti untuk Staf (Kategori Keusahawanan)</li> <li>• Anugerah Keusahawanan untuk Graduan</li> <li>• <i>Babson Attachment</i></li> </ul>

## Inisiatif Pertama: Pedagogi Pengajaran dan Pembelajaran

### 10% kursus keusahawanan merentasi program pengajian

Semua pelajar UMK merentasi program pengajian wajib mengambil sekurang-kurangnya empat subjek berteraskan keusahawanan. Dua subjek teras keusahawanan Universiti adalah Asas Keusahawanan dan Gelagat Usahawan; Manakala empat subjek pilihan berteraskan keusahawanan adalah Strategik Keusahawanan, Keusahawanan Korporat, Pengurusan Inovasi Dalam Keusahawanan serta Pengurusan dan Pembangunan Enterprise Baru.

### Pembelajaran berpusatkan pelajar

Kaedah pengajaran yang digunakan adalah berpusatkan kepada pelajar di mana semua staf akademik digalakkan mengaplikasikan outcome-based education (OBE), *problem-based learning* (PBL), *project-oriented based learning* (POPBL), dan pembelajaran melalui kajian kes.

### Experiential Learning

Bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran, staf akademik perlu merekabentuk experiential learning di mana aktiviti di luar kampus amat digalakkan. Universiti Malaysia Kelantan mendedahkan pelajar-pelajar kepada dunia keusahawanan melalui lawatan industri (entrepreneurial visit). Jam pembelajaran tidak hanya terhad kepada *face-to-face* dalam bilik kuliah malah terbuka kepada lawatan industri diikuti dengan penilaian berdasarkan kepada lawatan tersebut.

## Students In Enterprise Program (SIEP)

Semua pelajar dikehendaki mengikuti SIEP (2 jam kredit) di mana pelajar akan menimba pengalaman bekerja di premis perniagaan kecil dan sederhana di sekitar tempat penginapan semasa cuti semester 2, 4 dan 6. Penempatan latihan SIEP adalah atas pilihan pelajar dan perlu mendapat kelulusan daripada Penyelaras SIEP. Tempoh SIEP adalah minimum 10 hari. SIEP bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar dalam bidang keusahawanan.

## Pengajaran bersama pihak industri (Guest Lecture)

30% daripada setiap kursus pengajian perlu disampaikan oleh penceramah jemputan daripada pihak industri. Pendekatan ini membolehkan pelajar memahami dan menyelami cabaran dunia perniagaan.

## Penggunaan 'ipad' dan 'smart classroom'

Pelajar kemasukan Semester September 2014/2015 telah dibekalkan dengan iPad dan semua staf akademik tahun pertama diwajibkan menggunakan iPad dalam pembelajaran dan pengajaran kelas. Konsep '*smart classroom*' juga telah diaplikasikan dengan adanya kemudahan AppleTV dan '*smartboard*'.

## Program Keusahawanan 2+2

Universiti memperkenalkan program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Dengan Kepujian) mod 2+2 yang bakal bermula pada September 2015 dengan keupayaan pengeluaran graduan sulung seramai 30 orang pada tahun 2019. Program kelolaan UMK ini dengan modul yang dihasilkan adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) dengan matlamat melahirkan lebih ramai usahawan di negara ini. Program baharu ini memberi peluang pelajar untuk melalui dua tahun pengajian akademik dengan mengikuti kuliah seperti biasa dan dua tahun bekerja sebagai usahawan melalui aperantis keusahawanan.

## Inisiatif Kedua: Budaya keusahawanan

### Lecture Series

Bagi memupuk semangat keusahawanan dan menyemai minat keusahawanan, semua fakulti diwajibkan menganjurkan ceramah keusahawanan pada setiap semester. Di peringkat universiti, *Chairman Lecture Series* (CLS) dianjurkan di mana penceramah bertaraf Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dijemput untuk berkongsi pengalaman, manakala Syarahan Perdana disampaikan oleh Profesor dalam Universiti mengikut bidang kepakaran masing-masing. Di peringkat Fakulti, *Prime Entrepreneurial Lecture Series* (PELS), *Mitos & Realiti*, *Biokeusahawanan* dan *Nature Entrepreneurship Talk* giat dianjurkan yang melibatkan pelajar dan staf.

### Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME)

Pusat kecemerlangan yang dinamakan Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana atau dalam bahasa Inggeris *Institute for Small and Medium Enterprises* (ISME) ditubuhkan untuk membangunkan usahawan setempat. ISME bermatlamat melahirkan dan melatih usahawan yang bakal mempunyai pengetahuan dan kemahiran, berdaya maju serta berupaya menyumbang kepada pembangunan negara, melalui pengajian sepanjang hayat (*life long learning*).

### **Pusat Keusahawanan Global, Penyelidikan dan Inovasi (GERIC)**

UMK terus mengukuhkan peranannya sebagai peneraju dalam bidang keusahawanan dengan melancarkan Pusat Keusahawanan Global, Penyelidikan dan Inovasi atau dalam bahasa inggeris *Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre* (GERIC). GERIC berperanan sebagai peneraju keilmuan dalam bidang keusahawanan dan inovasi, menyediakan pendidikan keusahawanan berkualiti tinggi dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara melalui pelbagai penyelidikan yang dijalankan.

### **UMK Entrepreneurial Institute (UMK-EI)**

UMK-EI berperanan sebagai pusat keusahawanan Universiti yang menyelaraskan semua program dan aktiviti keusahawanan, menguruskan inkubator perniagaan dan memastikan penghasilan 10% graduan usahawan tercapai setiap tahun.

### **Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (INSPEK)**

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (INSPEK) ditubuhkan untuk menyumbang kepada usaha membasmi kemiskinan di negara ini khususnya di negeri Kelantan. Dengan adanya INSPEK, hasil kajian yang diperolehi oleh pihak universiti akan digunakan untuk merangka strategi yang teratur dan berkesan dalam meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat di negeri ini. Selain daripada membantu pertumbuhan sosioekonomi, Universiti juga berhasrat untuk mengubah minda masyarakat ke arah menghargai pengetahuan, teknologi dan keusahawanan dalam memajukan diri.

## University-Community Transformation Centre (UCTC)

UCTC merupakan satu pusat yang diwujudkan di Universiti untuk menghubungkan Universiti dan komuniti. Fungsi utama UCTC adalah bertindak untuk memindahkan hasil penyelidikan kepada komuniti demi meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Selain daripada itu, UCTC juga bertanggungjawab untuk mengendalikan kursus dan latihan yang berkenaan dengan sosial, ekonomi dan kemahiran masyarakat setempat.

### Inisiatif Ketiga: Ekosistem Keusahawanan

#### Hubungan Strategik dengan Pihak Industri

Untuk memastikan kedudukan dan program Universiti sentiasa kekal relevan mengikut arus masa dan keperluan industri, UMK mengutamakan hubungan strategik dengan pihak industri. Universiti telah menjemput beberapa usahawan tempatan dan ahli korporat yang berjaya di persada perniagaan untuk turut hadir dalam mesyuarat Senat. Ini membolehkan Universiti mendapat input dari pihak industri dan merapatkan lagi jurang antara akademik dan industri.

#### Hubungan Strategik dengan Babson College

Universiti turut menyertai *The Global Consortium for Entrepreneurship Education* (GCEE) yang ditubuhkan oleh Babson College, Amerika Syarikat sebagai salah satu langkah untuk memacu pembangunan pendidikan keusahawanan di negara ini. Beberapa orang staf akademik bertaraf Profesor telah dihantar untuk menghadiri program latihan di Babson College sepanjang tahun 2014.

## Student Enterprise Centre (SEC)

*Student Enterprise Centre* ditubuhkan untuk membantu mahasiswa membangunkan perniagaan secara kecil-kecilan. SEC bertindak sebagai inkubator perniagaan kepada pelajar yang berminat dan berpotensi untuk menjadi usahawan. Pelbagai kemudahan disediakan seperti khidmat nasihat perniagaan, peralatan asas pejabat dan ruang pejabat bagi mengalakkan pelajar menjalankan aktiviti perniagaan semasa di kampus.

## Pembelajaran Melalui Simulasi (Hospitality Lab, Spa, Retail Lab)

Universiti mengutamakan pembelajaran berasaskan '*hands-on*' melalui beberapa kemudahan simulasi yang ada di kampus. Basil Leaves merupakan makmal hospitaliti yang ditubuh khas untuk membolehkan pelajar hospitaliti mempelajari kulinari dan pengurusan makanan; manakala Elysian Spa ditubuh khas untuk membolehkan pelajar keusahawanan kesihatan mempratikkan apa yang dipelajari dalam kelas berkenaan dengan pengurusan kesihatan; AgroPark UMK turut diusahakan di Kampus Jeli untuk pengajaran dan pembelajaran staf serta pelajar dalam bidang industri asas tani atau agrosains.

## Eco-Drainage System

Mewujudkan kampus mesra alam merupakan agenda universiti dan dalam usaha untuk merealisasikan agenda tersebut satu pendekatan Sistem Salinan Mesra Alam (*Eco-Drainage System*) diperkenalkan. *Eco-Drainage System* dimasukkan dalam *Master Plan* Pembangunan kedua-dua kampus iaitu Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Sistem ini bukan sahaja bertujuan untuk menyalurkan air larian permukaan ke dalam kolam takungan tetapi dalam masa yang sama menapis kotoran yang datang bersama air larian permukaan untuk memastikan air larian permukaan yang masuk ke kolam takungan dan seterusnya ke sungai-sungai adalah bebas dari pencemaran terutama sisa tanah.

## Program Mobiliti Pelajar

Bagi memupuk semangat dan ciri-ciri keusahawanan, mahasiswa Universiti turut digalakkan menyertai pelbagai Program Mobiliti Pelajar di peringkat nasional dan antarabangsa. Program pertukaran pelajar turut diadakan melalui perjanjian MoU Universiti dengan universiti di luar negara.

## **Inisiatif Keempat: Penglibatan komprehensif staf dan pelajar**

### **Student Enterprise Centre (SEC)**

*Student Enterprise Centre (SEC)* ditubuhkan untuk membantu mahasiswa membangunkan bisnes secara kecil-kecilan. SEC bertindak sebagai inkubator perniagaan kepada pelajar yang berminat dan berpotensi untuk menjadi usahawan. Pelbagai kemudahan disediakan seperti khidmat nasihat perniagaan, peralatan asas pejabat dan ruang pejabat. Staf akademik turut dilantik sebagai penasihat kepada pelajar-pelajar yang mempunyai ruang di SEC.

### **Program Sangkutan Industri**

Bagi meningkatkan minat dan kompetensi staf dalam bidang keusahawanan, Universiti mewajibkan semua staf untuk menjalani latihan industri sekurang-kurangnya enam bulan sepanjang perkhidmatan di UMK. Usaha ini membolehkan staf mendapatkan pengalaman dalam industri untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **Anugerah Gemilang Universiti untuk Staf (Kategori Keusahawanan) dan Anugerah Keusahawanan untuk Graduan**

Bagi menggalakkan penglibatan staf dan pelajar dalam bidang keusahawanan, penyampaian anugerah dan ganjaran istimewa telah diwujudkan khas untuk kategori keusahawanan. Inisiatif ini telah menonjolkan staf dan pelajar yang giat menceburi bidang keusahawanan sebagai usahawan dan juga bertindak sebagai 'intrapreneur' dalam bidang kerja masing-masing.

### **Babson College Attachment**

Dengan adanya Memorandum Kesefahaman (MoU) di antara pihak Universiti dengan Babson College, aktiviti sangkutan staf akademik ke Babson College dapat dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam pendidikan keusahawanan.





# PENCAPAIAN UMK TAHUN 2014

## PENCAPAIAN UMK TAHUN 2014

### AKADEMIK

Sehingga tahun 2014, jumlah keseluruhan program pengajian yang ditawarkan adalah sebanyak 19 program pra-siswazah. Penawaran pengajian di peringkat pasca-siswazah juga telah meningkat kepada 62 bidang penyelidikan dan dijangka bertambah selaras dengan pertambahan jumlah kakitangan staf akademik.

Kini, ekologi universiti dengan jumlah pelajar melebihi 8,000 pelajar pra-siswazah dan lebih 500 pelajar pasca-siswazah telah menunjukkan perkembangan positif dengan graduan yang lahir pada tahun 2014 yang mendapat pekerjaan melebihi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pencapaian yang paling membanggakan bagi Universiti adalah apabila 84.4 peratus graduan Universiti mendapat pekerjaan selepas enam bulan bergraduasi berbanding 80 peratus yang disasarkan. Universiti juga menfokuskan kepada bilangan siswazah / graduan yang menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian. Daripada 80 orang yang disasarkan, hanya 53 yang berjaya dicapai.

Bilangan penerbitan yang diterbitkan secara perkongsian dan berpasukan hanyalah 77 berbanding 100 yang disasarkan. Dari segi pengiktirafan pula, sebanyak 26 anugerah dari dalam dan luar Negara telah diterima oleh staf Universiti berbanding 18 yang disasarkan. Bilangan staf akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa juga agak membanggakan iaitu 48 orang berbanding 36 orang yang disasarkan.

Pihak Universiti turut mengukuhkan kaedah pembelajaran dengan penekanan kepada e-pembelajaran yang mana sebanyak 130 kursus dilaksanakan dalam Mod Blended Learning berbanding 163 kursus yang disasarkan.

Pada tahun 2014, pihak Universiti telah mengurniakan ijazah kepada 540 orang pelajar prasiswazah dan 35 orang graduan pascasiswazah semasa Majlis Konvokesyen Ketiga UMK di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu Kelantan pada 29 hingga 30 November 2014.

Walau bagaimanapun, bilangan pelajar antarabangsa tidak mencapai seperti yang disasarkan iaitu hanya 68 orang berbanding 114 orang. Enrolmen pelajar PhD dan sarjana juga tidak menepati sasaran apabila hanya 58 orang sahaja yang mendaftar berbanding 80 orang yang disasarkan.

## SUMBER MANUSIA

Dengan tenaga akademik dan pentadbiran yang ada belum mencukupi, UMK kini mampu memacu dan bersedia sepenuhnya untuk bergerak pantas sebagai pembekal pendidikan keusahawanan. Peningkatan staf akademik sebanyak 86% pada tahun 2014 berbanding tahun 2011 manakala peningkatan staf pentadbiran bertambah iaitu sebanyak 73%. Pertumbuhan modal insan dalaman universiti juga telah membolehkan universiti mencapai sasaran mengikut Halatuju Universiti 2010 - 2020 dan Pelan Strategik Universiti 2016- 2020 terutamanya dalam penawaran kursus di peringkat pra-siswazah.

Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 1,147 jawatan telah diisi di UMK iaitu jawatan akademik sebanyak 494 jawatan dan bukan akademik seramai 653 jawatan. Perincian jawatan adalah seperti di jadual berikut:

BIL	TARAF JAWATAN	AKADEMIK	BUKAN AKADEMIK	JUMLAH STAF 2014
1.	Tetap	249	354	603
2.	Sementara	158	166	324
3.	Kontrak	82	133	215
4.	Pinjaman	5	0	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>494</b>	<b>653</b>	<b>1147</b>

Universiti telah mensasarkan bilangan staf akademik yang memiliki Ph.D menjelang tahun 2020 sebanyak 75%. Pada tahun 2014, pihak Universiti telah melantik seramai 125 orang staf berkelulusan Ph.D untuk menjadi pensyarah Universiti. Selain itu juga, Universiti turut menghantar 51 orang staf untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara iaitu 22 orang di peringkat sarjana dan 29 orang di peringkat Ph.D.


Bagi mengukuhkan lagi pengantarabangsaan Universiti, bilangan staf akademik antarabangsa ditingkatkan pada tahun 2014 iaitu sebanyak 45 orang berbanding sasaran 32 orang.

Bagi peningkatan pengetahuan dan kompetensi staf, pihak Universiti menekankan kepada pembelajaran sepanjang hayat (PSH) melalui penyertaan staf di dalam persidangan / bengkel / kursus. Pada tahun 2014, seramai 66 orang staf Universiti terlibat sebagai pembentang kertas kerja di peringkat kebangsaan dan 55 orang staf di peringkat antarabangsa. Penglibatan staf dalam program PSH (formal) ialah seramai 502 orang dan 5,617 orang bagi program PSH (tidak formal).

## **PENYELIDIKAN & INOVASI**

Sebagai sebuah Universiti yang objektif penubuhannya adalah untuk menyumbang kepada masyarakat, pihak Universiti berusaha untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang memberi impak kepada komuniti. Antaranya melalui pelaksanaan dua amalan terbaik dalam pemindahan ilmu yang diterima pakai oleh komuniti, satu projek pemangkin/ 'Flagship' pemindahan ilmu dan Akademik mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti serta empat projek pemindahan ilmu akademik dengan kerjasama industri atau komuniti.

Pada tahun 2014, pihak Universiti telah memperolehi 81 geran penyelidikan daripada sumber dalaman dan luaran dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 4,937,396.50. Perincian sumber geran adalah seperti di gambarajah di bawah;



Projek perundingan yang dijalankan oleh Universiti berjumlah RM1,344,558.00 melalui empat (4) projek. Senarai projek perundingan bagi tahun 2014 adalah seperti jadual di bawah;

BIL.	AGENSI	TAJUK	KETUA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	MDEC & Keysight Technologies Sdn. Bhd.	<i>Program Sains on Wheels</i>	Prof. Rosdi bin Ab. Rahman	46,000.00
2.	Agensi Inovasi Malaysia	Pelapor bagi program Sweden – Malaysia <i>International Day</i> 2013	Prof. Dr. Naresh Kumar A/L Samy	5,900.00
3.	KPM	Program Usahawan Graduan <i>Symbiosis</i>	Prof.Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun	1,000,000.00
4.	ECERDC	Projek Pembangunan Modal Insan di Agropolitan Kelantan Selantan (SKA)	Prof. Rosdi bin Ab. Rahman	292,658.00
<b>JUMLAH</b>				<b>1,344,558.00</b>

Pada Tahun 2014, UMK telah mencatatkan peningkatan sebanyak 49% dalam penghasilan penerbitan berimpak berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. UMK telah menerbitkan sebanyak 94 penulisan ilmiah dalam jurnal berindeks oleh Scopus dan *Web of Knowledge* (ISI/SSCI) pada tahun 2014. Peningkatan bilangan penerbitan UMK dalam jurnal ini adalah selaras dengan peningkatan bilangan staf akademik UMK terutama yang berkelulusan PhD dan penambahan dana penyelidikan yang diterima pada tahun 2014.

Jumlah penajaan pendapatan Universiti melalui kerjasama industri, penawaran program pascasiswazah (Mod Kerja Kursus) dan penganjuran seminar / kursus adalah sebanyak RM 2,927,816.00 berbanding sasaran RM 545,455.00.

Kreativiti dan inovasi staf dalam penyelidikan terus cemerlang dan ini terbukti melalui 32 pingat yang diterima melalui pameran penyelidikan yang disertai.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah anugerah yang dimenangi oleh staf Universiti dalam bidang penyelidikan

BIL.	PAMERAN	BILANGAN PINGAT			
		ANUGERAH KHAS	EMAS	PERAK	GANGSA
1.	<i>24<sup>th</sup> International Invention, Innovation &amp; Technology Exhibition (ITEX'14)</i>	2	4	2	2
2.	<i>Malaysia Technology Expo 2014 (MTE 2014)</i>	1	1	3	2
3.	<i>Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan BioEkonomi Asia Pasifik 2014</i>	-	1	2	3
4.	<i>Invention, Innovation and Design (IIDEL)</i>	-	1	3	5

## Ringkasan Pencapaian Universiti Bagi Tahun 2014

CRITICAL AGENDA PROJECT (CAP)	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Akademia / Academia	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	100	77
	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	18	26
	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	4
	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antara- bangsa	36	48
	Pengambilan Pelajar		2013- 2,796 orang 2014- 2,961 orang (peningkatan 8.04%)
	Enrolmen Pelajar		2013 – 4,383 orang 2014 – 8,818 orang
	Penawaran Program Pengajian		19 program
	Bilangan Graduan		575 orang (Sarjana Muda 540 orang, Sarjana 34 orang dan Ph.D 1 orang)
e-Pembelajaran/ e-Learning	Bilangan kursus IPTA dalam <i>Mod Blended Learning</i> (546)	163	130
Keusahawanan / Entrepreneurship	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	80	53
	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang mendapat pendedahan melalui program/aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum)	3,000	3,691

<i>Graduate Employability (GE)</i>	Peratus graduan yang bekerja semasa konvokesyen	80%	67.2%
<i>Holistic Student Development (HSD)</i>	Bilangan pemimpin yang berketerampilan dalam kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	10	10
	Bilangan program berteraskan <i>University Community Engagement (UCE)</i> yang dilaksanakan oleh IPTA di seluruh Malaysia	3	1
<i>Akademia Industri / Industry Academia</i>	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12%	18.48%
<i>Pengantarabangsaan / Internationalization</i>	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	32	45
	Bilangan enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPTA	114	68
	Bilangan enrolmen mahasiswa pascasiswazah antarabangsa di IPTA	80	58
<i>Program Pemindahan Ilmu (KTP)</i>	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing.	2	2
	Bilangan projek pemangkin/ ' <i>Flagship</i> ' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	3	1
	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	3	4

Pembelajaran & Pengajaran (P&P)	Peratusan bajet penyelidikan Universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	0%	0%
	Peratusan program yang telah melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD	30% (6)	100% (18)
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Bilangan peserta yang menyertai program PSH (Program PSH Formal) - IPTA	1650	502
	Bilangan Program PSH di IPTA	10	51
	Bilangan peserta yang menyertai program PSH (Program PSH tidak formal) – IPTA	550	5617
MyBrain 15	Bilangan mahasiswa Ph.D (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduat dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	5	1
	Bilangan mahasiswa Ph.D (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduatkan oleh IPTA	2	1
	Bilangan staf akademik berkeelayakan Ph.D dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	130	130
	Enrolmen mahasiswa Ph.D (sepenuh masa dan separuh masa) dan setaraf di IPTA (warganegara)	135	138

Penyelidikan & Pembangunan / Research & Development (R&D)	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	0
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	RM 409,091.00	RM 123,779.50
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	RM 340,909.00	RM 212,495.00
	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak kerajaan pada tahun semasa		RM 4,145,587.00
	Bilangan harta intelek (IP) yang difaalkan	7	18
	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	151	94
	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	245	314
	Jumlah penjanaan pendapatan R&D&C daripada : i) harta intelek(IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) khidmat <i>Knowledge Transfer</i>	RM 545,455.00	RM 2,927,816.00
	Perundingan		4 projek perundingan berjumlah RM 1,344,558.00
Pengiktirafan		32 pingat dalam pelbagai kategori pameran penyelidikan	
Sumber Manusia	Pengisian jawatan		1147 jawatan (akademik 494 orang dan bukan akademik 653 orang)

## ULASAN

Secara keseluruhannya, pencapaian universiti pada tahun 2014 adalah membanggakan dengan usia kewujudan UMK yang baru mencecah 8 tahun. Sasaran enrolmen pelajar sebanyak 10,000 orang menjelang 2015 telah hampir dicapai dengan prestasi enrolmen pelajar tahun 2014 seramai 8,818 orang iaitu 8110 pelajar prasiswazah dan 708 orang bagi pelajar pasca siswazah. Sasaran penawaran program pengajian menjelang 2015 adalah sebanyak 40 program. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2014 hanya 19 program pengajian yang berjaya ditawarkan dengan bilangan program yang berjaya mendapat akreditasi iaitu 11.

Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHA) yang telah ditubuhkan pada tahun 2013 giat melaksanakan aktiviti -aktiviti pengantarabangsaan melalui penglibatan dan sokongan semua PTj sekaligus berjaya meningkatkan imej Universiti di peringkat antarabangsa. Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan staf antarabangsa di universiti iaitu 45 orang pada tahun 2014 berbanding sasaran 32 orang. Namun usaha perlu ditingkatkan untuk menarik lebih ramai pelajar pasca siswazah antarabangsa. Selain itu juga, sebanyak 47 kolaborasi antarabangsa turut dilaksanakan dengan 15 buah negara dan lapan (8) program mobiliti pelajar (*inbound* sebanyak 3 dan *outbound* sebanyak 5). Staf juga digalakkan untuk mendapatkan pendedahan antarabangsa, antaranya melalui pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa yang melibatkan 55 orang staf. Disamping itu, seorang staf menjalani cuti sabbatical di Amerika Syarikat bagi tempoh satu bulan.

Prestasi penyelidikan Universiti adalah dalam tahap yang membanggakan. Sebanyak empat (4) Pusat Kecemerlangan (CoE) telah ditubuhkan sehingga tahun 2014.

Bilangan harta intelek yang difailkan juga menggalakkan iaitu 18 berbanding 7 yang disasarkan. Penyertaan Universiti di dalam pameran penyelidikan juga membuahkan hasil yang membanggakan apabila Universiti berjaya memperolehi 32 pingat dalam pelbagai pameran penyelidikan. Dari aspek geran berjumlah RM 4, 937, 396.50 diperoleh melalui 81 geran penyelidikan dan RM 1,344,558.00 diperoleh melalui empat (4) projek perundingan. Usaha giat turut difokuskan dalam penerbitan di mana sebanyak 94 penulisan ilmiah telah diterbitkan di dalam *Scopus* dan *Web of Knowledge (ISI/SSCI)* dan 90 dalam pelbagai jenis penerbitan. Galakan dan keutamaan perlu diberikan untuk penyelidikan kepada komuniti dan pengkomersialan produk hasil penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan UMK cemerlang dalam semua bidang R&D&C.

Dari aspek keusahawanan pula, Universiti perlu merangka strategi yang cekap dengan mengambilkira persaingan dari Universiti lain serta perlu mencari kekuatan dan niche dalam bidang keusahawanan. Keunikan dalam bidang akademik dan sistem penyampaian pendidikan perlu dicipta dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan perlu ditingkatkan. Usaha Universiti bagi membudayakan keusahawanan, pengurangan kemiskinan dan penjana ekonomi melalui pelaksanaan projek-projek seperti Program Transformasi Sosial (Baktisiswa), *Social Enterprise for Economic Development (SEED)* dan Festival Usahawanan Wanita perlu diteruskan dan dipelbagaikan.

Kemudahan prasarana di ketiga-tiga kampus perlu ditingkatkan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang efektif dan kondusif. Pembinaan bangunan di kampus adalah tidak seperti yang disasarkan iaitu 8 bangunan fakulti menjelang tahun 2015 berbanding hanya 4 yang disiapkan. Penilaian keperluan ruang (kadar sewaan

premis yang agak tinggi) serta keutamaan penyediaan ruang perlu disusun semula bagi menfokuskan kepada ruang untuk P&P seperti dewan kuliah, makmal dan asrama bagi menampung pelajar ijazah sarjana muda dan pascasiswazah.

Kewujudan Universiti Malaysia Kelantan di Negeri Kelantan sememangnya tidak dinafikan telah memberi impak tidak langsung kepada komuniti dan pembangunan ekonomi setempat. Namun kewujudannya akan lebih bermakna melalui aktiviti penyelidikan dan khidmat komuniti bagi pembangunan masyarakat itu sendiri agar mampu untuk menjana pendapatan mereka sendiri. Kajian, penyelidikan dan penghasilan produk mestilah yang boleh digunakan samaada oleh industri kecil mahupun industri berskala besar. Di negara Thailand umpamanya, pihak kerajaan akan meminta khidmat universiti-universiti di Thailand bagi membantu mengenalpasti permasalahan yang wujud dan mencadangkan penyelesaian bagi kelestarian masyarakat dan negara.









## SASARAN UNIVERSITI

## SUMBER MANUSIA (STAF)

Sehingga Jun 2015 seramai 1,169 orang staf telah dilantik bagi merealisasikan sasaran 10 ribu orang pelajar pada tahun 2015. Perincian pelantikan staf sehingga Jun 2015 adalah seperti jadual dibawah:

	<b>BILANGAN (ORANG)</b>
<b>PENGURUSAN TERTINGGI</b>	<b>4</b>
<b>Akademik:</b>	
• Profesor/Fellow Utama	35
• Profesor Madya/Fellow Kanan	29
• Pensyarah Kanan/Fellow	100
• Pensyarah	238
• Tutor/Guru Bahasa/Pensyarah Sambilan	109
<b>Jumlah</b>	<b>514</b>
<b>Bukan Akademik:</b>	
• Pengurusan dan Profesional	138
• Sokongan I	390
• Sokongan II	126
<b>Jumlah</b>	<b>654</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,169</b>

### Nisbah staf akademik dan bukan akademik 1:1 bermula tahun 2015.

1. Sekurang-kurangnya sepuluh (10) program latihan dilaksanakan setiap tahun bagi kepimpinan tertinggi universiti berkaitan fungsi pentadbiran bermula tahun 2015 sehingga 2020.
2. Pelaksanaan pengurusan bakat staf akademik dan bukan akademik yang meliputi proses mengenal pasti staf mengikut bakat masing-masing serta pelaksanaan program latihan kepada staf-staf yang telah dikenal pasti. Sekurang-kurangnya sepuluh (10) jenis bakat dan staf dikenal pasti dan sepuluh (10) program latihan dilaksanakan bermula tahun 2015.
3. Mewujudkan program-program latihan untuk menyokong pembudayaan warga kerja UMK.

### Staf akademik:

1. Syarat calon staf: Sarjana Muda pada tahap PNGK 3.0 dan ke atas mulai tahun 2008. Ditambah dengan kemampuan Bahasa Inggeris pada tahap IELTS melebihi gred 6 atau setara mulai pengambilan 2009.
2. Staf akademik yang mencukupi untuk menampung keperluan P&P dan R&D bagi semua fakulti/pusat pada tahun 2015.
3. Staf yang berkelayakan dan profesional dengan kelayakan PhD pada nisbah 40% menjelang tahun 2015.
4. Staf mempunyai nilai insaniah yang cemerlang (*multi-tasking, teamwork, kepimpinan, dan integriti*).
5. Bersedia untuk peningkatan diri (meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran PSH). Menghadiri latihan CPD sekurang-kurang 42 jam atau 7 hari setahun.
6. Sasaran pengambilan dan pembangunan staf akademik yang memiliki ijazah sarjana dan PhD.

### Staf bukan akademik:

1. Kelayakan akademik yang baik diutamakan termasuk kemampuan dalam Bahasa Inggeris.
2. Mempunyai nilai insaniah yang cemerlang (*multi-tasking, teamwork, kepimpinan, berdikari dan integriti*).
3. Bersedia untuk peningkatan diri (meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran PSH).
4. Mewujud polisi untuk menggalakkan staf pentadbiran untuk melanjutkan pengajian dengan menetapkan sasaran dua (2) staf setahun yang dibiayai sepenuhnya oleh universiti.

### ENROLMEN DAN KUALITI PELAJAR

Komponen pengajian di UMK akan menjayakan perancangan induk pembangunan sumber tenaga manusia Negara iaitu 60:40 nisbah bidang sains (gunaan, teknologi/ kejuruteraan) dan sastera (sastera ikhtisas/profesional). Enrolmen pelajar akan ditambah secara berterusan (tahunan) untuk memenuhi pertumbuhan lazim sesebuah Universiti baharu bagi memberi impak kewujudannya.

## Sasaran enrolmen pelajar sehingga 2020

TAHUN	ENROLMEN	CATATAN
2010	2160	Jumlah enrolmen termasuk pelajar pasca ijazah (20%)
2015	10,000	
2020	15,000	

### Sasaran kualiti pelajar:

1. Kelayakan kemasukan calon: PNGK 2.75 ke atas untuk semua fakulti kecuali Program Doktor Veterinar dengan tahap kecekapan Bahasa Inggeris MUET band 2 dan ke atas dan kepujian Bahasa Inggeris peringkat SPM. Bagi Program Doktor Veterinar, kelayakan masuk calon: PNGK 3.80 dengan kecekapan Bahasa Inggeris MUET band 3 dan ke atas dan kepujian Bahasa Inggeris peringkat SPM, disamping calon perlu lulus dalam sesi temuduga.
2. Di akhir pengajian tahap kecekapan Bahasa Inggeris adalah pada tahap gred B (PNG 3.0) atau MUET 3 (minimum) dan Kemahiran Insaniah sekurang-kurangnya pada tahap gred B (Baik) setara.

## UNIVERSITI KEUSAHAWANAN

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tergolong dalam kategori Universiti Berfokus. Fokus UMK ialah "Keusahawanan". Universiti Keusahawanan (EU) dalam konteks UMK ialah merujuk kepada melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan bukannya universiti yang akan melahirkan usahawan. Dalam usaha merealisasikan EU, beberapa pelan tindakan dan sasaran telah dicadangkan iaitu:

1. Membangunkan ekosistem keusahawanan dan membudayakan keusahawanan dengan memperkukuhkan dan memantapkan peranan UMKEI, GERIC, ISME dan UCTC bermula Mei 2015.
2. Menubuhkan Majlis Keusahawanan Universiti bermula tahun 2016.
3. Melantik pemimpin keusahawanan atau panel penasihat bagi UMKEI, GERIC, ISME dan UCTC dengan memberikan peranan dan KPI yang jelas bermula Mei 2015 sehingga 2020.
4. Melahirkan sekurang-kurangnya 10% usahawan yang berijazah atau dengan kata lain sekurang-kurangnya 10% daripada graduan UMK memilih perniagaan sebagai kerjaya mereka bermula tahun 2019.
5. Menjalankan aktiviti keusahawanan sosial sebanyak sepuluh (10) aktiviti setahun serta menerbitkan tiga (3) buku berkaitan keusahawanan sosial bermula tahun 2015. Aktiviti-aktiviti ini akan diperkukuh melalui program Prospek, UCTC, INSPEK.

## PROGRAM PENGAJIAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK

Pertumbuhan akademik memberi fokus kepada pembangunan program pengajian baru dan pengurusan akademik bagi memantapkan penyampaian program yang ditawarkan. Sehingga tahun 2015, Universiti mempunyai sembilan belas (19) program yang ditawarkan melalui lima (5) buah fakulti dan dijangka meningkat kepada 80 program pengajian yang diuruskan oleh dua belas (12) buah fakulti pada tahun 2020 **(ditunjukkan perincian di Lampiran B)**.

Beberapa fakulti baharu akan dibangunkan melalui pengembangan tiga (3) fakulti sedia ada dengan memberi fokus kepada bidang Sastera Iktisas dan Sains Gunaan (termasuk teknologi dan kejuruteraan) serta pengajian kemanusiaan. Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) akan dikembangkan dan ditambah dua fakulti baru iaitu Fakulti Pelancongan dan Hospitaliti dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Sumber. Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli berpecah menjadi Fakulti Sains Bumi (FSB) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT). Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan akan berpecah kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Fakulti Pengajian Warisan serta menerbitkan dua (2) fakulti baharu iaitu Fakulti Seni Bina dan Ekistik (FAE) dan Fakulti Media Kreatif.

Sementara itu terdapat dua fakulti baru yang dicadangkan iaitu Fakulti Bio-kejuruteraan dan Teknologi dan Fakulti Pengajian Bahasa, Komunikasi dan Pembangunan Insaniah.

Sekurang-kurangnya tiga (3) kursus pendidikan liberal dan kemanusiaan dibangunkan dalam mempelbagaikan pengetahuan umum pelajar bermula tahun 2015 sehingga 2020.

Menyediakan mata kredit/pinjaman kepada 50 syarikat pelajar setahun bermula tahun 2015.

Melaksanakan mod program 2 + 2 dan 3 + 1 sekurang-kurang untuk empat (4) program



## Cadangan Kedudukan Fakulti dan Bilangan Program Pengajian Pada Tahun 2020

BIL.	CADANGAN FAKULTI PADA TAHUN 2020	CADANGAN PROGRAM PENGAJIAN	CATATAN
1.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	15 program	Bidang Sastera Ikhtisas
2.	Fakulti Pelancongan dan Hospitaliti	4 program	Bidang Sastera Ikhtisas
3.	Fakulti Ekonomi dan Undang-Undang	4 program	Bidang Sastera Ikhtisas
4.	Fakulti Industri Asas Tani	6 program (Cth. Sarjana Muda Sains Gunaan Peternakan)	Bidang Sains Gunaan
5.	Fakulti Sains Bumi	5 program (Cth. Sarjana Muda Sains Gunaan Geosains)	Bidang Sains Gunaan
6.	Fakulti Perubatan Veterinar	Sarjana Muda Perubatan Veterinar	Bidang Sains Gunaan
7.	Fakulti Bio-Kejuruteraan dan Teknologi	9 program	Bidang Teknologi
8.	Fakulti Seni Teknologi Kreatif	5 program	Bidang Sastera Ikhtisas
9.	Fakulti Pengajian Warisan	4 program	Bidang Sastera Ikhtisas
10.	Fakulti Seni Media Kreatif	7 program	Bidang Sastera Ikhtisas
11.	Fakulti Pengajian Bahasa, Komunikasi dan Pembangunan Insaniah	7 program (Cth.: <i>Foreign Studies/Oriental Studies, Linguistic and Communication</i> )	Bidang Kemanusiaan
12.	Fakulti Seni Bina dan Ekistik	6 program	Bidang Teknologi



## SISTEM PENYAMPAIAN AKADEMIK

1. Penekanan kepada keberkesanan penyampaian dengan memberi perhatian kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered learning*) dengan menganjurkan pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*), kajian kes dan penyelesaian masalah (PoPBL/PBL). Pelaksanaan kurikulum memenuhi falsafah OBE.
2. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) turut melibatkan input oleh industri melebihi 10% (syarahan, projek, *Student in Enterprise Programme* (SIEP) dan latihan industri/*internship*). Nilai ini rendah pada tahun pertama pengajian kerana subjek-subjek yang melibatkan input industri ialah subjek tahun 2 dan ke atas dan bertambah mengikut peningkatan tahun pengajian.
3. Pembelajaran melalui mod *e-learning* dilaksanakan kepada sekurang-kurangnya 90% daripada matapelajaran yang ditawarkan di universiti pada tahun 2020.
4. Pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) dan Blended Learning (BL) diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu dilaksanakan sepenuhnya bermula tahun 2015. Di samping itu, sekurang-kurangnya lima (5) program latihan berasaskan SCL dijalankan setiap tahun bermula 2015.

## **PENUBUHAN PUSAT PERSEDIAAN KEUSAHAWANAN SAINS (PPKS)**

Sebelum PPKS dapat dilaksanakan di UMK, Program Persediaan Keusahawanan Sains perlu diadakan terlebih dahulu kerana untuk mewujudkan pusat memerlukan proses yang agak lama termasuk menyediakan sumber manusia, bangunan dan peralatan makmal. Justeru, sebagai persediaan dan juga untuk mendapatkan hasil yang cepat, UMK telah mengambil langkah dengan mengadakan perbincangan dan memorandum perjanjian dengan pihak MARA bagi mengadakan Program Persediaan Keusahawanan Sains yang diadakan di MARA Kulim, Kedah.

Program ini adalah merupakan satu usaha mendapatkan calon pelajar cemerlang, meningkatkan pelajar dalam bidang sains dan teknologi serta memberi pendedahan awal universiti kepada calon yang akan masuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama ke UMK. Program Persediaan Keusahawanan Sains ini telah dilaksanakan pada tahun 2011 iaitu setahun lewat daripada sasaran awal iaitu pada tahun 2010. Program ini bertujuan membekalkan pelajar (feeder) kepada program berasaskan sains dengan justifikasi berikut:

1. Untuk memenuhi keperluan bilangan pelajar yang diperlukan oleh program berasaskan sains di UMK.
2. Untuk memastikan calon pelajar yang bermutu dipilih bagi mengikuti program pengajian di UMK.
3. Menyahut seruan kerajaan bagi meningkatkan bilangan pelajar sains di IPT di Malaysia.

- Pusat Persediaan Keusahawanan Sains dicadangkan untuk direalisasikan menjelang tahun 2020
- Proses kelulusan bermula tahun 2016
- Proses permohonan bajet untuk pembinaan bangunan bermula 2017
- Proses permohonan bajet untuk pembelian peralatan makmal bermula tahun 2018
- Pengambilan staf perlu dibuat bermula tahun 2019

### **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)**

1. Menekankan penglibatan industri dalam R&D iaitu sekurang-kurangnya 50% daripada R&D universiti melibatkan industri pada tahun 2020.
2. Geran R&D purata: RM20 ribu setiap pensyarah setahun pada tahun 2020.
3. Geran R&D luar negara sekurang-kurangnya RM 100,000.00 pada tahun 2020.
4. Meningkatkan bilangan harta intelek sekurang-kurangnya lima (5) setahun bermula 2019.
5. Penerbitan staf akademik pada kadar purata nisbah 1:0.5 kertas kerja dalam jurnal berwasit setahun mulai tahun 2020.
6. Pembentangan kertas kerja oleh setiap staf akademik (pensyarah) sekurang-kurangnya setahun sekali mulai tahun 2015.

7. Meningkatkan bilangan pengiktirafan penyelidikan (anugerah) kepada lima (5) pingat emas setahun bermula tahun 2015.
8. Sekurang-kurangnya dua (2) pengkomersialan daripada hasil penyelidikan akan direalisasikan mulai tahun 2020.
9. Penganjuran persidangan/simposium/kolokium/kursus jangka pendek peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada kadar sekurang-kurangnya lima (5) persidangan setiap tahun mulai tahun 2020.
10. Penubuhan lapan pusat kecemerlangan (CoE) untuk menyokong R&D menjelang 2020.
11. Kajian kes (*case study*) induk dibangun oleh Universiti tentang kualiti keusahawanan di negeri Kelantan satu (1) kes setiap tahun bermula tahun 2015.

## **PENGANTARABANGSAAN UNIVERSITI**

1. Bidang tumpuan
  - Pengajaran dan pembelajaran (P&P)
  - Penyelidikan dan pembangunan (R&D)

## Sasaran

- 15% staf akademik antarabangsa pada tahun 2020.
- 20% pelajar antarabangsa mendaftar di UMK pada tahun 2020.
- Sekurang-kurangnya tiga (3) program mobiliti *in-bound* dan *out-bound* dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 2015.
- Lebih 30% program pengajian terlibat dalam program mobiliti pelajar dengan keutamaan untuk pemindahan kredit pada tahun 2020.
- Sekurang-kurangnya 5% profesor pelawat antarabangsa dilantik berbanding dengan bilangan profesor tempatan pada tahun 2020.
- Sekurang-kurangnya 20% penyelidikan yang dijalankan melibatkan penyelidik antarabangsa pada tahun 2020.

## FIZIKAL DAN INFRASTRUKTUR (PRASARANA)

1. Kampus Bachok, Kampus Jeli dan Kampus Kota beroperasi pada tahun 2020 untuk menampung 15,000 orang pelajar (termasuk 3000 pelajar ijazah lanjutan).
2. Pembinaan kampus tetap di Bachok dan Jeli (Fasa 1) telah siap dan telah beroperasi pada awal tahun 2012, walaupun komponen yang dibina tidak mencukupi sebagaimana perancangan asal kerana kenaikan kos bahan binaan tetapi masih berupaya untuk menampung bilangan pelajar serta tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Keperluan fakulti/pusat disediakan dari semasa ke semasa sesuai dengan pertambahan enrolmen pelajar (keperluan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, kemudahan pelajar, aktiviti pelajar, perpustakaan dan

sistem sokongan yang lain). Maka konsep *fast track* dan *low-cost* dipertimbangkan dan dibangunkan untuk tujuan ini.

4. Di bawah RMk-10, sekurang-kurangnya tiga belas (13) projek disiapkan menjelang tahun 2018.
5. Kemudahan fasiliti sukan dan rekreasi sekurang-kurangnya dua projek setahun perlu disediakan mulai tahun 2015 bagi memastikan pembelajaran yang kondusif di setiap kampus.
6. Bagi menyokong transformasi imej dan menyediakan suasana yang kondusif kepada aktiviti P&P, sekurang-kurangnya 20% daripada projek pembangunan kampus diberi kepada penyediaan lanskap di kedua-dua kampus iaitu Jeli dan Bachok.
7. Memastikan setiap PTJ mencerminkan imej sebuah institusi akademik yang unik (*boutique*).
8. Pembangunan prasarana yang kondusif, mencukupi, mesra pelanggan dan lestari.

## PENGURUSAN SUMBER DAN KEWANGAN

1. Peruntukan yang mencukupi untuk operasi (peruntukan mengurus) dan pembangunan (kemudahan P&P, rekreasi, HRD).
2. Menjana sumber kewangan melalui semua PTj iaitu akademik dan bukan akademik dengan komposisi 30% pendapatan daripada PTj akademik dan 5% daripada PTj bukan akademik setahun bermula tahun 2016.

3. Pengurusan kewangan yang berintegriti tinggi dan berkesan iaitu dengan mengurangkan perbelanjaan utiliti sebanyak 10% setahun dan penjimatan dalam perbelanjaan mengurus sebanyak 5% setahun. Di samping itu, semua PTj perlu meningkatkan aktiviti sebanyak 15% dengan bajet sedia ada dimana 20% daripada aktiviti yang dijalankan perlu fokus kepada penjanaan pendapatan bermula tahun 2016.
4. Optimumkan penggunaan ruang untuk mengurangkan kos penyewaan premis serta mengurangkan transaksi sebanyak 50% bermula dari tahun 2016.
5. Mewujudkan dua (2) tabung endowmen, satu untuk pelajar sarjana muda dan satu lagi untuk pelajar pasca siswazah bermula tahun 2016 sehingga 2020.
6. Menguruskan sumber Universiti dengan optimum dengan menerapkan konsep *value for money*

## SISTEM TADBIR URUS DAN KEPIMPINAN

Bagi memastikan sistem tadbir urus dan kepimpinan yang efektif dan kompeten beberapa pelan tindakan dan sasaran telah dicadangkan iaitu:

1. Memastikan komposisi dan pelantikan tadbir urus berdasarkan fungsi bukannya berdasarkan jumlah waran.
2. Memberi lebih kelonggaran kepada PTj untuk mentadbir bermula 2016.
3. Pihak Pengurusan sama ada di peringkat universiti atau PTj perlu diberi latihan kepimpinan sekurang-kurangnya lima (5) latihan setahun.
4. Pihak pengurusan perlu menyediakan Pelan Penggantian yang jelas untuk jawatan utama atau jawatan pengurusan di peringkat universiti dan fakulti/PTj.
5. Melahirkan sumber manusia yang multi-tasking dan perlu mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan bakat.
6. SOP bagi semua jawatan di semua peringkat perlu disediakan dan disiapkan menjelang tahun 2020.

## RELEVAN KEPADA KOMUNITI

Beberapa pelan tindakan dan sasaran telah dicadangkan bagi memastikan UMK relevan kepada komuniti setempat:

1. Memperkayakan komuniti dengan pengetahuan dan kemahiran melalui penyediaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada komuniti sekurang-kurangnya sepuluh (10) program keusahawanan dan tiga (3) program kemahiran dilaksanakan setahun.
2. Sekurang-kurangnya tiga (3) hasil penyelidikan pensyarah UMK di pindahkan kepada komuniti setiap tahun.
3. Mengadakan sekurang-kurangnya sepuluh (10) projek setahun bagi projek komuniti berimpak tinggi.
4. Bagi tujuan mengubah keadaan sosial komuniti, pihak universiti perlu mengadakan sekurang-kurangnya sepuluh (10) kolaborasi dengan masyarakat setahun.

## SISTEM SOKONGAN DAN JALINAN KERJASAMA

### Pentadbiran:

- Perancangan pentadbiran yang menyokong keperluan PTj dari segi pembangunan sumber manusia dan sistem tadbir urus.
- Sistem pengurusan (perkhidmatan staf) dan pembangunan sumber manusia (latihan), sistem maklumat pelajar dan kebajikan yang cekap dan berkesan.
- Penambahbaikan berterusan dalam urusan pentadbiran Universiti.
- Menjamin keselamatan Universiti (personal, harta, dokumen dan persekitaran).
- Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang kondusif kepada pelajar (HEP, ICT).

### Infra dan ICT:

Pada setiap ketika tahap kepuasan pelanggan tinggi dalam aspek:

- Perkhidmatan dan penyelenggaraan yang cekap dan berkesan.
- Penambahbaikan berterusan.
- Memberi perkhidmatan yang memenuhi keperluan PTj dari segi pembangunan infra dan ICT.
- Mempunyai nilai korporat tinggi dalam sistem ICT (laman web, perhubungan korporat dan capaian maklumat yang berkait dengan pengurusan sumber manusia, kewangan dan pelajar).
- Kesemua modul ICT disepadukan.

### Jalinan Kerjasama:

- 50% staf terlibat dalam jalinan kerjasama (perundingan, PSH, latihan, penyelidikan kontrak, pengkomersialan) pada tahun 2020.
- 10% staf terlibat dengan khidmat masyarakat dalam bentuk sumbangan kepakaran (bagi kepentingan pembangunan wilayah) mulai pada tahun 2015.
- 15% daripada staf terlibat dengan program kerjasama di peringkat antara bangsa pada tahun 2020.
- UMK bekerjasama dengan lima (5) Universiti antarabangsa pada 2020.

#### NOTA : Asas Pengiraan untuk Tujuan Unjuran dan Perancangan

<i>Pelajar Prasiswazah:</i>	-	<i>60 pelajar/kelas</i>
	-	<i>6 program/fakulti</i>
	-	<i>250 pelajar/program</i>
<i>Pelajar/Fakulti :</i>	-	<i>6 x 250 = 1400 pelajar</i>
<i>Pelajar Pascasiswazah:</i>	-	<i>20% prasiswazah = 280 pelajar</i>
<i>Oleh itu purata bilangan pelajar/fakulti:</i>	-	<i>1680 pelajar</i>
<i>dan Bilangan staf akademik pada nisbah:</i>	-	<i>1:12 pelajar (purata)</i>

## PROGRAM/PROJEK, AKTIVITI DAN KPI BERDASARKAN PERANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI SEHINGGA 2020

### PELAN TINDAKAN - PROGRAM/PROJEK, AKTIVITI DAN KPI

Program/projek dan aktiviti serta sasaran kerja Universiti bagi menjayakan teras strategi dan objektif pembangunan Universiti diperincikan seperti penerangan dibawah;

**TERAS 1:** Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti-aktiviti akademik bagi menyokong pertumbuhan Universiti

PROGRAM	PROJEK	SASARAN (KPI)	STRATEGI PELAKSANAAN
1. Pembangunan Program Pengajian dan Semakan Kurikulum <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jaminan kualiti dan pengiktirafan program</li> <li>- Menggalakkan input industri</li> </ul>	1. Memperluaskan program pengajian dan pengkhususan  2. Semakan kurikulum program pengajian	2020: 75 program pengajian, 12 Fakulti  Semakan kurikulum program pengajian setiap 5 tahun penawaran	1. Pengembangan bidang dan sub bidang pengajian 2. Bengkel pengurusan akademik 3. Memenuhi piawaian MQA 4. Penerbitan modul pembangunan akademik 5. Kajian kebolehpasaran dan kemahiran insaniah 6. Forum bersama industri
2. Pengupayaan Akademik <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran</li> <li>- Penggalakan Penyelidikan dan Pembangunan</li> <li>- Peningkatan Perundingan, Penerbitan, Kualiti staf</li> </ul>	1. Peningkatan keupayaan akademik  2. Peningkatan program pasca siswazah  3. Penglibatan dalam penyelidikan di peringkat antarabangsa	1:1 (Setiap pensyarah perlu mempunyai sekurang-kurangnya 1 penyelidikan / penulisan ilmiah berwasit/ perundingan setahun) 10% daripada jumlah enrolmen di Fakulti adalah pelajar pasca siswazah  2010: 1% profesor pelawat antarabangsa Memenuhi keperluan kenaikan pangkat, R&D	1. Mempergiatkan penyelidikan, pengkomersialan dan pemilikan harta intelek 2. Meningkatkan penulisan, penerbitan ilmiah dan pembentangan kertas kerja 3. Memberi perkhidmatan perundingan dan nasihat kepakaran kepada komuniti/agensi tempatan dan antarabangsa 4. Menyediakan kemudahan penyelidikan bertaraf dunia 5. Mendapatkan dan

<p>akademik</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Kehadiran persidangan dan pembentangan kertas kerja pada peringkat antarabangsa</li> <li>5. Profesor pelawat</li> <li>6. Memperoleh geran penyelidikan untuk semua bidang</li> <li>7. Memperbanyakkan kursi akademik (<i>academic chair</i>)</li> <li>8. Penglibatan aktif dalam perundingan dengan industri</li> </ol>	<p>dan keperluan berkaitan 2020: 5% profesor pelawat antarabangsa</p> <p>10 geran setahun untuk setiap fakulti</p> <p>2015: Dua (2) kursi 2020: Tiga (3) kursi</p> <p>2010: 5% <i>adjunct profesor</i> dari jumlah kakitangan akademik</p> <p>Tiga (3) khidmat perundingan setiap semester</p>	<p>meningkatkan sumbangan (<i>endowment</i>)/ penajaan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>6. Mewujudkan pusat kecemerlangan</li> <li>7. Mendapatkan <i>prominent scholar</i></li> </ol>
